

BAB 7

DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

7.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang dibahagikan berdasarkan tiga persoalan kajian . Bahagian pertama memperkatakan ciri-ciri *al-Mīzān al-Šarfiy* dalam proses pembentukan kata kerja dan kata nama mushtaq bahasa Arab. Bahagian kedua membicarakan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan '*asliy*' dan kata *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi bahasa Arab . Bahagian ketiga merumuskan perubahan- perubahan morfologi yang berlaku pada struktur kata dan mempengaruhi bentuk wazan '*asliy*'. Bab ini berakhir dengan cadangan yang dikemukakan untuk kajian dan penyelidikan yang akan datang dan kesimpulan.

7.1 DAPATAN KAJIAN

Dapatan hasil kajian yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan adalah seperti berikut :

7.1.1 Ciri-ciri *al-Mīzān al-Šarfiy* Dalam Pembentukan Kata kerja Dan Kata nama *Mushtaq* Bahasa Arab

1. Kebanyakan kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab dibentuk melalui kaedah *qiyās*. Kaedah *qiyās* tersebut tidak akan tercapai tanpa melalui *al-Mīzān al-Šarfiy*. Justeru , kajian ini menyokong pandangan ulamak dan sarjana bahasa yang berpendapat bahawa *al-Mīzān al-Šarfiy* merupakan mekanisma paling berkesan dan menjadi sinonim kepada proses pembentukan kata bahasa Arab . Selain menjadi neraca kepada kata bahasa Arab , *al-Mīzān al-Šarfiy* juga berperanan sebagai kayu pengukur untuk menilai kesahihan dan kesalahan suatu kata . Oleh itu, sebarang proses pembentukan kata yang dilakukan tanpa menggunakan kaedah *al-Mīzān al-Šarfiy* boleh dianggap kurang lengkap dan tidak sempurna.

2. *Al-Mīzān al-Šarfiy* adalah neraca yang mesti diikuti dan dipatuhi oleh semua kata terutama kata yang bersifat *qiyāsiy* . Justeru, dalam pembentukan kata bahasa Arab terdapat pelbagai perubahan pada bentuk dan struktur katanya untuk menyamai wazan *'aṣliy* yang menjadi rujukan dan kayu ukur . Apabila sesuatu kata itu sudah dibentuk, maka struktur katanya menjadi stabil dan unsur-unsurnya tidak boleh digugur dan diterbalikkan lagi . Kata akar dan imbuhan tetap utuh pada tempatnya . Tidak mungkin diubah-ubah tempat yang satu kepada yang lain tanpa pertimbangan morfologi dan fonologi .

3. Kata dasar dalam bahasa Arab boleh berkembang kepada pelbagai makna melalui pengimbuhan atau sebaliknya mengikut peraturan dan kaedah *al-Mīzān al-Šarīṭ*. tanpa memerlukan kepada perubahan besar pada bentuk harakah dan struktur kata dasarnya . Contohnya , kata dasar علم // ‘alima // boleh dipecahkan kepada beberapa variasi perkataan lain mengikut pola dan makna tersendiri tanpa menggugurkan huruf kata akarnya iaitu ع ، ل ، م // ‘ain , lām , mīm // seperti أَعْلَم // a’lāma // عَلَم // ‘allama // تَعْلَم // ta‘allama //، ta ‘ālāma // عِلْم // ‘ilmun //، عَالِمٌ // ‘ālimun //، عَالِمٌ مُعْلِمٌ // muta‘allimun // mu‘lamun //، مَعْلُومٌ // ma‘lūmun // dan lain-lain . Kesemua pecahan kata tersebut mempunyai wazan-wazan tertentu yang tidak boleh dilanggari .
4. Kata kerja dalam bahasa Arab sama ada daripada kata kerja *mujarrad* atau pun *mazīd* semuanya merujuk kepada wazan tertentu mengikut lingkungan sistem yang sama . Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan pola KK kala kini dan KK perintah *didasarkan* kepada bentuk kala lepasnya melalui morfem dasarnya . Morfem dasar ini berasal dari morfem akarnya iaitu (ف-ع-ل) *f-i-l* untuk *fi’il thulāthiy* dan (ف-ع-ل ل ل) *f-i-l rubā’iy* . Morfem akar tersebut boleh menerima huruf imbuhan . Justeru , pengimbuhan huruf yang terdapat dalam KK kala lepas, KK kala kini dan KK perintah adalah sama kerana melalui sistem yang sama . Huruf-huruf imbuhan yang berperanan sebagai afiks dalam kata kerja adalah أ، س، ت، ن، و، ا، ي sahaja daripada jumlah huruf imbuhan سَلَّتْمُؤْنِيْهَا .

5. Pentafsiran berbentuk falsafah yang menghuraikan perubahan yang berlaku di dalam proses pembentukan kata adalah rumit dan sukar . Contohnya , perubahan bagi KK kala lepas ﻖـالـ (pola asalnya adalah قـوـلـ) dengan menukarkan huruf *wāw* kepada huruf *alif* , dan kala kininya يـفـوـلـ (pola asalnya adalah يـفـوـلـ) dengan harakah *dammah* pada huruf *wāw* dipindahkan kepada huruf *qāf* sebelumnya dan harakah *sukūn* diletakkan kepada huruf *wāw*) adalah liku-liku falsafah bahasa yang rumit . Pentafsiran falsafah yang sedemikian rupa tidak menyimpang daripada wazan *'aṣliy* yang menjadi rujukan tetapi sebaliknya bertujuan untuk menepati kehendak wazan *'aṣliy* tersebut .
6. Bentuk wazan kata dan fungsi makna yang dibawa adalah asas kepada proses pembentukan kata . Unit kata yang terlibat dalam proses *al-Mīzān al-Šarīfī* adalah kata kerja dan kata nama sahaja . Walaupun tiap-tiap satunya ada yang mempunyai persamaan pada susunan hurufnya tetapi berlainan pada wazan kerana kedua-duanya mempunyai tanda bacaan dan wazan tersendiri . Contohnya, persamaan KK kala lepas dalam kategori JK 2 iaitu آمـنـ ، آخـدـ antara W7 dan W9. Persamaan *ism fā'il* dan *ism maf'ūl* dalam kategori JK 5 antara WP 6 dan WO 6 iaitu مـحـاجـ و مـحـازـ dan antara WP 8 dan WO 8 iaitu مـحـازـ ، kategori JK 3 antara WP5 dan WO5 iaitu مـرـاصـ ، antara WP6 dan WO 6 iaitu مـمـثـدـ و مـمـثـدـ dan antara WP8 dan WO 8 iaitu مـنـحـطـ .

7. Kesahihan kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab boleh dilihat dari dua sudut iaitu bentuk dan harakah kata (شكل الكلمات وحركاتها) dan wazan kata (أوزان الكلمات). Bentuk kata adalah lambang dan tanda untuk mengenali kategori perkataan dan menentukan kesahihannya yang akan membantu memahami fungsi makna yang didukung . Manakala wazan kata pula adalah bahagian paling penting khususnya bagi kata kerja *mazið* dan kata nama *mushtaq* kerana keduanya adalah *qiyāsiy*. Wazan-wazan kata tersebut berperanan menentukan harakah setiap huruf dan ejaan sesuatu kata nama dan kata kerja yang dipadankan dengannya. Berdasarkan analisis- analisis yang dijalankan dalam bab-bab 4,5 dan 6 yang lalu , boleh dikatakan bahawa hampir semua pola kata kerja *mazið* dan pola kata nama *mushtaq* dalam bahasa Arab mempunyai satu lingkungan sistem yang sama dan menggunakan wazan sebagai asas deskripsi pembentukan kata. Bagaimanapun harakah dan wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* seperti ضرب نسي , كرم and *samā'iy* dan mestilah berpandukan kepada nukilan daripada orang Arab jati atau merujuk secara langsung kepada kamus bagi menentukan sama ada ia daripada wazan فَعَلٌ <*fa'ala*> , فَعِلٌ <*fa'ilā*> atau فَعْلٌ <*fa'ula*> .
8. Kod JK (Lihat jadual 3. 36) merupakan asas yang penting dalam pembentukan kata bahasa Arab . Perbezaan kod JK pada suatu kata menyebabkan wujud pelbagai variasi dan merupakan punca utama berlaku perbezaan antara wazan '*aşliy* dan kata *al-mawzūn* . Oleh yang demikian, kebanyakan karya-karya moden dalam bidang morfologi seperti *al-Miftah fi al-sarfiy* karya 'Abdul Qāhir

al-Jurjāniy (t.t), *al-Lubāb min Taṣrīf al-’Af’āl* karya Muhammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍāimat (1962), *al-Wādiḥ Fi al-Nahw Wa al-Ṣarf* karya Muhammad Khair al-Hilwāniy (1978) *al-Tatbīq al-Ṣarfiy* karya ‘Abduh al-Rājihiy (1984) , *al-Ṣarf al-Ta’līmiy* karya Mahmūd Sulaimān Yākūt (1994). *Shadha al-‘Urf Fī Fan al-Ṣarf* karya Ahmad ibn Muḥammad ibn ’Aḥmad al-Ḥamalāwiy (1995) , *al-Basīṭ fī ‘Ilm al-Ṣarfiy* karya Sharifuddin ‘Aliy al-Rājihiy (tt) dan lain –lain , mereka meletakkan topik-topik yang berkaitan pembahagian kata kepada huruf konsonan dan huruf ‘illah (JK) di tempat yang pertama dalam perbincangan mengenai pembentukan kata .

9. Wazan kata kerja dan kata nama *mushtaq* tidak lengkap tanpa harakah tertentu sama ada *fathah* , *kasrah* , *dammah* atau *sukūn* . Ciri-ciri harakah tersebut selain bertujuan menyebut perkataan dengan betul dan tepat , ia juga berfungsi menentukan kelompok-kelompok dan golongan kata kerana bacaan yang betul juga melambangkan makna yang tepat . Justeru , harakah-harakah tersebut tidak boleh diubah atau dipindahkan tanpa sebab-sebab morfologi dan fonologi. Perletakan harakah sewenang-wenangnya pada setiap huruf pada wazan tanpa mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan adalah menjadi kesalahan , kecuali harakah pada huruf yang terakhir kerana ia adalah bidang sintaksis di luar bidang kajian ilmu morfologi bahasa Arab . Wazan yang betul dan lengkap berperanan penting dalam menentukan kedudukan tanda bacaan bagi setiap huruf dalam

perkataan yang ditimbang , seterusnya mengenali pasti setiap perbezaan antara golongan kata kerja dan kata nama dan makna yang didukung oleh kedua-duanya . Contohnya , KK perintah W 7 أَسْرِ . Jika dibaca أَسْرِ mengikut wazan أَفْعَى maka pola asalnya adalah أَسْرَى bagi kod JK 6 , sebaliknya jika dibaca أَسِرْ mengikut wazan أَفْلَن maka pola asalnya adalah أَسَارَ bagi kod JK 5 .

10. *Al-Mīzān al-Sarfī* merupakan kunci kesalahan dan kesilapan berkaitan aspek kata dalam pertuturan dan penulisan . Contohnya, kesalahan bacaan dan tulisan pada KK kala lepas (ضَرَبُ wazan فَعْلٌ <fa‘ala>), (قَتْلٌ wazan فَعْلٌ <fa‘ala>), KK kala kini يَقَانٌ wazan يَفْعُلٌ <yafu‘lu> , (يَسْتَجَابٌ wazan يَسْكُنْلٌ <yastafīlu>), يُتَعَلَّمٌ wazan يَتَفَعَّلٌ <yatafa‘alu> , (يَجَاهُذٌ wazan يُفَاعِلٌ <yufā‘ilu>) , dan KK perintah أَضْرَبٌ (wazan إِفْعَلٌ <if‘il>), (إِرْمَى wazan إِفْعَلٌ <if‘i>), (أَكْتَبٌ wazan أَفْعَلٌ <uf‘ul>). Kesalahan-kesalahan tersebut dapat dikenalpasti melalui wazan kata dan kata dasarnya , kerana sebahagian besar kata bahasa Arab berasal (diturunkan) dari kata dasar itu .

11. Pembentukan KK kala lepas , KK kala kini dan KN *masdār* bagi kategori *thulāthiy mujarrad* adalah *samā‘iy* . Justeru, wazan bagi ketiga-tiga kata tersebut tidak begitu berperanan dalam mempraktikkan proses pembentukan kata, kerana penentuan kesahihan kata-kata tersebut diambil secara nukilan terus daripada penutur asli bahasa Arab kecuali KK perintah , *ism fā‘il* dan *ism maf‘ūl*. Pembentukan KK perintah didasarkan kepada KK kala kini dan kesahihannya

tertakluk kepada kesahihan KK kala kini . Manakala *ism fā'il* dan *ism maf'ūl* pula adalah *qiyāsiy* dan boleh dibentuk berpandukan wazan .

12. Wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* yang digunakan oleh penutur asli Arab dalam bahasa standard mereka terdiri daripada tiga bentuk wazan '*asliy* sahaja iaitu : فَعَلْ <*fa-'a-la*> , فَجَلْ <*fa-'i-la*> dan فَعُلْ <*fa-'u-la*> . Harakah huruf awalan dan akhiran bagi ketiga -tiga wazan '*asliy* di atas adalah sama iaitu masing-masing berharakah *fathah* . Manakala harakah huruf sisipan bagi ketiga wazan tersebut berbeza menyebabkan timbul kekeliruan . Penentuan harakah huruf sisipan bagi wazan dan pola kata kerja *thulāthiy mujarrad* tertakluk kepada *dhawq Arab* yang sempurna dan *kebolehan individu* secara semula jadi yang boleh seterusnya membezakan pola yang *sahīh* dan tak *sahīh* . Penentuan wazan-wazan tersebut juga boleh didapati melalui penggunaan penutur asli bahasa Arab atau merujuk kepada kamus .
13. Kata nama *mushtaq* merupakan subsistem dari sistem kata kerja. Ia sentiasa berdampingan dengan kata kerja kerana berfungsi mendukung makna dan ciri-ciri kata kerja . Walaupun wazan-wazan kata nama *mushtaq* berbeza dengan wazan kata kerja tetapi proses morfologi yang berlaku pada kata nama *mushtaq* adalah sama dengan proses yang berlaku pada kata kerja , malah kesahihan struktur katanya tertakluk kepada kesahihan kata kerja . Proses pembentukan kata nama

mushtaq dalam kategori *mu'tal* adalah lebih sukar berbanding kata nama dalam kategori *sahīḥ* disebabkan pelbagai perubahan morfologi dan fonologi yang berlaku pada struktur katanya. Kata nama *mushtaq* yang tertakluk kepada sistem pembentukan kata kerja dari sudut *mujarrad* dan *mazīd*, *sahīḥ* dan *mu'tal* terdiri daripada *kata nama maṣdar*, *ism fā'il* dan *ism maf'ūl*. Manakala kata nama *mushtaq* yang tidak tertakluk kepada sistem pembentukan kata kerja tersebut adalah *ṣighah mubālaghah*, *ṣifat mushabahah* dan *ism tafḍil*.

14. Pembentukan kata nama *ṣighah mubālaghah*, *ṣifat mushabahah* pula berkisar antara *samā'iyy* jika rendah kekerapannya dan *qiyāsiyy* jika tinggi kekerapannya. Contohnya, *ṣifat mushabahah* WK 8 فَعْلَانٌ <fa'lānun> dianggap *qiyāsiyy* bagi KK فَعْلٌ <fa'il> dan *samā'iyy* bagi فَعْلٌ <fa'ala> (Lihat 6.5) . Justeru, wazan-wazan kata nama tersebut kurang berperanan dalam menentukan ketepatan penggunaannya, malah pemilihan wazan-wazan kata nama tersebut tertakluk kepada kepada *dhawq Arab* yang sempurna atau nukilan daripada komuniti Arab asli . Manakala pembentukan *ism fā'il* dan *ism maf'ūl* dan kata nama *maṣdar* bagi *mazīd* dan *rubā'iyy mujarrad* adalah *qiyāsiyy* . Oleh itu wazan kata tersebut berperanan penting sebagai kayu ukur dalam proses pembentukan kata dan berfungsi menentukan kesahihan srtuktur katanya.

15. Kata nama *maṣdar* bagi kategori *thulāhiy mujarrad* terdiri daripada berbagai-bagai bentuk walaupun datang dari satu sistem wazan yang sama (Lihat 6.1.2). Kepelbagaian bentuk tersebut menyebabkan wujudnya kepelbagaian wazan . Contohnya, KN *maṣdar* جُلُوسٌ // *julūsun* // (wazan فَعْوَنْ <*fu‘ulun*>, قرَاءَةٌ // *qirā’tun* // (wazan فَعَالَةٌ <*fi‘alatun*>, أَكْلٌ // ’*aklun* // (wazan فَعْلٌ <*fa‘lun*>) datang dari wazan فَعَلٌ <*fa‘ala*>. Justeru, pembentukan KK *maṣdar* bagi kategori *thulāhiy mujarrad* adalah lebih sukar berbanding kata nama *maṣdar* bagi *mazīd* dan *rubā’iy mujarrad* kerana ia tertakluk kepada *dhawq Arab* yang sempurna atau nukilan daripada komuniti Arab asli .
16. *Damīr marfū‘* (مَرْفُوعٌ) dan partikel *nūn tawkīd* (نُونُ التَّوْكِيدِ) merupakan subsistem-subsistem kata kerja . Kehadiran kedua-dua partikel tersebut di akhiran kata kerja turut melibatkan perubahan kecil berlaku pada konsonan dan vokal yang berada di persekitarannya . Perubahan yang berlaku turut mempengaruhi bentuk wazan *’asliy* . Contohnya , pengguguran huruf *alif* pada KK lepas bagi kod JK 5 قال ketika bersambungan dengan *damīr* laki-laki kedua iaitu فُلْتُ dan perbezaan wazan adalah فُلْتُ <*fultu*> . Demikian juga pengguguran huruf *nūn raf‘i* dan *wāw jamak* pada KK kala kini yang *ṣahīḥ* akhir apabila bersambungan dengan partikel *nūn tawkīd thaqīlah* seperti لَتَحْرُصُنَّ dan لَتَقْهُولُنَّ perbezaan wazan adalah تَفْعُلُنَّ <*taf‘ulunna*> dan تَفْعُلْنَ <*tafūlunna*>.

17. Kata kerja dan kata nama *mushtaq* dari sistem wazan yang sama mempunyai variasi-variasi yang berlainan disebabkan berlainan kod JK . Lantaran itu sering berlaku kekeliruan dan kecaburan dalam penentuan wazan bagi suatu kata terutama kata dalam kategori JKM 2. Justeru , rumusan wazan bagi setiap kod JK dijadikan rujukan dan landasan kepada pembentukan kata . Contohnya , bentuk KK kala lepas seperti أَحَبْ ، أَعَادْ ، أَلْقَى adalah berlainan variasi disebabkan berlainan kod JK walaupun datang dari sistem wazan yang sama iaitu wazan أَفْعَلْ < 'af'ala >. Ini kerana setiap kod JK mempunyai bentuk wazan tersendiri yang berlainan sama sekali dengan wazan pada kod-kod JK yang lain disebabkan proses morfonologgi seperti contoh dalam jadual berikut :

Jadual 7.1 : Pembentukan kata berdasarkan rumusan wazan bagi tiap-tiap kod JK

KK	Kod JK	KN KalaLepas	KK KalaKini	KK Perintah	KN <i>Masdar</i>	KN Ism Fā'il	KN Ism Maf'ūl
أَحَبْ	JK3	أَحَبْ	يُحِبُّ	أَحِبْ	إِحْبَابٌ	مُحِبٌّ	مُحَبٌّ
أَعَادْ	JK 5	أَعَادْ	يُعِنِّدُ	أَعِذْ	إِعَادَةٌ	مُعِنْدٌ	مُعَادٌ
أَلْقَى	JK 6	أَلْقَى	يُلْقِي	أَلْقَ	إِلْقَاءٌ	مُلْقٍ / المُلْقِي	مُلْقٰى / المُلْقَى

18. Bentuk wazan kata kerjadan kata nama *mushtaq* bahasa Arab yang diterima pakai oleh komuniti Arab adalah tetap dan utuh pada bentuknya semenjak dahulu hingga sekarang, tanpa mengalami sebarang perubahan dan sesuai pada setiap zaman bersesuaian dengan kedudukannya sebagai bahasa al-Quran yang menjadi satu mu‘jizat . Keseragaman wazan dalam sistem dan kelompok yang sama juga telah berjaya membentuk satu tulisan yang cantik dan irama yang unik . Contohnya , keseragaman wazan KK kala kini bagi W 7 : JK 5 ، **يُعِدُ وُسْبِرُ وَيُرِيدُ** ، W7 : JK 3 **مُكْرِمٌ وَمُكْرِمَةٌ** ، KN jamak laki-laki bagi *ism fā‘il* WO 2 : JK 1 **يُجِبُّ وَيُمِدُّ وَيُعِزُّ وَيُنِلُّ** . وَمُقْدِمٌ وَمُطْعِمٌ .

7.1.2 Bentuk-bentuk Persamaan dan Perbezaan Yang Wujud Antara Wazan

***'Asliy* dan Kata *al-Mawzūn* .**

Kajian ini merumuskan bahawa perbezaan antara wazan *'asliy* dan kata *al-mawzūn* sering berlaku terutama kata yang susunan hurufnya terdiri daripada huruf *'illah* . Kajian ini mendapati unsur-unsur perbezaan amat ketara pada kod JKM 2 berbanding kod JKS 1. Jadual-jadual berikut adalah rumusan-rumusan wazan yang menjelaskan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan yang dikenalpasti berdasarkan analisis yang dijalankan dalam bab 4,5 dan 6. Konsep

al-*Mīzān al-Šarī’* dan teori-teori morfologi dan fonologi telah digunakan untuk mengenal pasti setiap variasi yang berlaku pada wazan berkenaan .

1. Rumusan Wazan Kata kerja dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mujarrad*

Jadual 7..2 : Rumusan Wazan Kata kerja Kata nama *Mushtaq* bagi kategori

Thulāthiy Mujarrad

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF’ŪL
JK 1	Samā’iy	Samā’iy	Qiyāsiy	Samā’iy	<u>فَاعِلٌ</u> <u>< fā ‘il ></u>	مَفْعُولٌ
JK 2	Samā’iy	Samā’iy	Qiyāsiy	Samā’iy	<u>أَعْلَنْ</u> <u>< ’a ‘il ></u>	مَفْعُولٌ
JK 3	Samā’iy	Samā’iy	Qiyāsiy	Samā’iy	<u>فَالْ</u> <u>< fallun ></u>	مَفْعُولٌ
JK 4	Samā’iy	Samā’iy	Qiyāsiy	Samā’iy	<u>فَاعِلٌ</u> <u>< fā ‘il ></u>	مَفْعُولٌ
JK 5	Samā’iy	Samā’iy	Qiyasi	Samā’iy	<u>فَائِلٌ</u> <u>< fa ‘il ></u>	مَفْوِلٌ
JK 6	Samā’iy	Samā’iy	Qiyāsiy	Samā’iy	فَاعِ / الفَاعِي <u>< fā ‘in > /</u> <u>< al-fā ‘i ></u>	مَفْعِيٌّ
JK 7	Samā’iy	Samā’iy	Qiyāsiy	Samā’iy	فَاعِ / الفَاعِي <u>< fā ‘in > /</u>	مَفْعِيٌّ

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF'ŪL
					<u>< al- fā'īt ></u>	
JK 8	Samā'iy	Samā'iy	Qiyāsiy	Samā'iy	فَاعْ /الْفَاعِيْ <u>< fā'in > /</u> <u>< al- fā'īt ></u>	مَفْعِيْ

Rumusan dalam jadual 7.2 di atas menunjukkan bahawa KK kala lepas , KK kala kini dan *maşdar* bagi kategori *thulāthiy mujarrad* adalah *samā'iy* manakala KK perintah , *ism fā'il* dan *maf'ūl* pula adalah *qiyāsiy*. Namun kesahihan KK perintah tertakluk kepada kesahihan KK kala kini .

2. Rumusan Wazan Kata kerja W 7 أَفْعَلَ < 'af'ala > dan Kata nama *Mushtaq*
bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

Jadual 7.3 : Rumusan Wazan Kata kerja W 7 أَفْعَلَ < 'af'ala > dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀ'IL	ISM MAF'ŪL
JK 1	أَفْعَلَ	يُفْعِلُ	أَفْعَلُ	إِفْعَالُ	مُفْعَلُ	مُفْعَلُ
JK 2	أَعْلَ	يُؤْعِلُ	أَعْلُ	إِيْعَالُ	مُؤْعَلُ	مُؤْعَلُ
JK 3	أَفْلَ	يُفْلُ	أَفْلَ / أَفْلَنْ	إِفْلَالُ	مُفْلُ	مُفْلُ
JK 4	أَفْعَلَ	يُفْعِلُ يُؤْعِلُ	أَفْعَلُ	إِيْعَالُ	مُفْعَلُ	مُفْعَلُ
JK 5	أَفَالَ	يُفْيِلُ	أَفْلَ	إِفَالَةٌ	مُفْيَلُ	مُفَالٌ
JK 6	أَفْعَى	يُفْعِيُ	أَفْعِ	إِفْعَاءُ	مُفْعِ / المُفْعِي	مُفْعَى / المُفْعَى
JK 7	أَفْعَى	يُفْعِيُ	أَفْعِ	إِفْعَاءُ	مُفْعِ / المُفْعِي	مُفْعَى / المُفْعَى
JK 8	أَفْعَى	يُفْعِيُ	أَفْعِ	إِيْعَاءُ	مُفْعِ / المُفْعِي	مُفْعَى / المُفْعَى

Jadual 7.3 di atas adalah rurmusan-rumusan wazan kata kerja *thulāthiy mazīd* W 7 dan kata nama *mushtaq* yang boleh menjelaskan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan yang dikenalpasti berdasarkan analisis yang dijalankan dalam bab 4 dan 6. Rurmusan-rumusan di atas menunjukkan bahawa satu wazan *'asliy* W 7 أَفْعَلْ boleh terdiri daripada berbagai-bagai bentuk variasi mengikut kategori kod JK . Contohnya bagi KK kala lepas terdapat enam variasi yang berlainan wazan iaitu W7: JK2 أَعْلَنْ , W7: JK3 أَفْلَأْ , W7: JK4 أَفْعَانْ , W7: JK5 أَفْيَلْ , W7: JK6 أَفْعَلْ , W7: JK7 dan W7: JK8 masing-masing . KK kala kini terdapat enam bentuk variasi yang berlainan iaitu JK 2 يُؤْعِلْ , JK 3 يُفِيْلْ JK 4 يُبْعِلْ JK 5 يُفِيْلْ JK 6 , JK 7 dan JK 8 masing-masing يُفْعِيْ . KK perintah pula didapati enam bentuk variasi yang berlainan iaitu JK 2 أَعْلَنْ , JK 3 أَفْلَأْ , JK 4 إِيْعَانْ JK 5 إِيْعَانْ JK 6 , JK 7 dan JK 8 masing-masing KN *maṣdar* pula terdapat enam bentuk perubahan wazan pada JK 2 إِيْعَانْ , JK 4 إِيْعَانْ , JK 5 إِيْعَانْ , JK 6 , JK 7 masing-masing إِفَالَّةْ dan JK 8 إِيْعَاءْ . Bentuk wazan yang terdapat pada *ism fā'il* pula terdiri daripada enam variasi iaitu JK 2 مُؤْعِلْ JK 3 مُفِيْلْ JK 4 مُفِعْ JK 5 مُفَيْلْ JK 6 , JK 7 , dan JK 8 masing-masing المُفْعِيْ / مُفْعَعِيْ . *Ism maf'ūl* pula terdapat enam bentuk variasi iaitu JK 2 مُفَاعِلْ JK 3 مُفَاعِلْ JK 4 مُفَاعِلْ JK 5 مُفَاعِلْ JK 6 , JK 7 , dan JK 8 masing-masing مُفْعَعِيْ / المُفْعِيْ .

3. Rumusan Wazan Kata kerja W 8 فَعَلْ < *fa'-ala* > dan Kata nama

Mushtaq bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

Jadual 7.4 : Rumusan Wazan Kata kerja W 8 فَعَلْ < *fa'-ala* > dan Kata

nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF'ŪL
JK 1	فَعَلْ	يُفَعِّلْ	فَعَلْ	تَفْعِيلْ تَفْعِيلَةٌ	مُفَعَّلْ	مُفَعَّلْ
JK 2	فَعَلْ	يُفَعِّلْ	فَعَلْ	تَفْعِيلْ تَفْعِيلَةٌ	مُفَعَّلْ	مُفَعَّلْ
JK 3	فَعَلْ	يُفَعِّلْ	فَعَلْ	تَفْعِيلْ تَفْعِيلَةٌ	مُفَعَّلْ	مُفَعَّلْ
JK 4	فَعَلْ	يُفَعِّلْ	فَعَلْ	تَفْعِيلْ تَفْعِيلَةٌ	مُفَعَّلْ	مُفَعَّلْ
JK 5	فَعَلْ	يُفَعِّلْ	فَعَلْ	تَفْعِيلْ تَفْعِيلَةٌ	مُفَعَّلْ	مُفَعَّلْ
JK 6	فَعَى	يُفَعِّي	فَعْ	تَفْعِلَة	مُفَعْ / المُفَعَّي	مُفَعَّى / المُفَعَّى
JK 7	فَعَى	يُفَعِّي	فَعْ	تَفْعِلَة	مُفَعْ / المُفَعَّي	مُفَعَّى / المُفَعَّى
JK 8	فَعَى	يُفَعِّي	فَعْ	تَفْعِلَة	مُفَعْ / المُفَعَّي	مُفَعَّى / المُفَعَّى

Rumusan-rumusan wazan dalam jadual 7.4 di atas , menunjukkan bahawa wazan 'asliy kata kerja W 8 فَعْلٌ < fa'-ala > dan kata nama *mushtaq* juga boleh terdiri daripada berbagai-bagai bentuk variasi mengikut kategori kod JK . Bagi kategori kod JK 1, JK 2, JK 3, JK 4 dan JK 5 dilihat masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama dan boleh bertukar ganti antara satu sama lain pada KK kala lepas , KK kala kini , KK perintah kata nama *mashdar* , *ism fā'il* dan *ism maf'ūl* . Dengan persamaan ini , bermakna kekeliruan mengenai bentuk wazan pada setiap kod JK dapat dikurangkan kepada satu set wazan daripada lima kod JK tersebut . Demikian juga halnya dengan kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama . Persamaan ini menjadikan bentuk wazan dapat diringkas sebagaimana ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 7.4.1 : Ringkasan rumusan wazan W 8

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀİL	ISM MAF'ŪL
JK 1						
JK 2	فَعْل	يُفْعِلُ	فَعْلٌ	تَفْعِيلٌ تَفْعِيلَةٌ	مُفْعِلٌ	مُفْعَلٌ
JK 3						
JK 4						
JK 5						
JK 6						
JK 7	فَعَى	يُفْعِنِي	فَعٌ	تَفْعِلَةٌ	مُفَعٌ / الْمُفَعَّى	مُفَعَّى / الْمُفَعَّى
JK 8						

4. Rumusan Wazan Kata kerja W 9 فَاعِلٌ <Fā‘ala> dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd* W 9

Jadual 7.5 : Rumusan Wazan Kata kerja W 9 فَاعِلٌ <Fā‘ala> dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF‘ŪL
JK 1	فَاعِلٌ	يُفَاعِلُ	فَاعِلٌ	مُفَاعِلَة فِعَالٌ	مُفَاعِلٌ	مُفَاعِلٌ
JK 2	أَعْلَنَ	يُفَاعِلُ	أَعْلَنَ	مُفَاعِلَة	مُفَاعِلٌ	مُفَاعِلٌ
JK 3	فَالَّ	يُفَالُ	فَالَّ	مُغَالَة	مُفَالٌ	مُفَالٌ
JK 4	فَاعِلٌ	يُفَاعِلُ	فَاعِلٌ	مُفَاعِلَة فِعَالٌ	مُفَاعِلٌ	مُفَاعِلٌ
JK 5	فَاعِلٌ	يُفَاعِلُ	فَاعِلٌ	مُفَاعِلَة فِعَالٌ	مُفَاعِلٌ	مُفَاعِلٌ
JK 6	فَاعِي	يُفَاعِلُ	فَاعِ	مُفَاعَة فِعَالٌ	مُفَاعِ / المُفَاعِي	مُفَاعَى / المُفَاعَى
JK 7	فَاعِي	يُفَاعِلُ	فَاعِ	مُفَاعَة فِعَالٌ	مُفَاعِ / المُفَاعِي	مُفَاعَى / المُفَاعَى
JK 8	فَاعِي	يُفَاعِلُ	فَاعِ	مُفَاعَة فِعَالٌ	مُفَاعِ / المُفَاعِي	مُفَاعَى / المُفَاعَى

Dalam jadual 7.5 di atas , terdapat empat bentuk set wazan yang berbeza mengikut kategori kod JK . Set pertama ialah set wazan bagi kod JK 1 didapati mempunyai persamaan dengan set wazan bagi kod JK 4 dan kod JK 5. Set kedua hanya diwakili oleh kod JK 2 , set ketiga diwakili oleh kod JK 3 sahaja , dan set keempat didapati diwakili oleh kod JK 6, JK 7 dan JK 8 yang masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama dan boleh bertukar ganti antara satu sama lain pada KK kala lepas , KK kala kini ,kata kerja perintah kata nama *maṣdar*, *ism fā'il* dan *ism maf'ūl*. Dengan adanya persamaan ini bentuk wazan dapat diringkas seperti ditunjukkan dalam jadual di berikut :

Jadual 7.5.1 : Ringkasan rumusan wazan W 9

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAṢDAR	ISM FĀIL	ISM MAF'ŪL
JK 1	فَاعِل	يُفَاعِلْ	فَاعِلْ	مُفَاعِلَة		
JK 2				فِعَالْ	مُفَاعِلْ	مُفَاعِلْ
JK 3						
JK 4	أَعْلَ	يُفَاعِلْ	أَعْلَ	مُفَاعِلَة	مُفَاعِلْ	مُفَاعِلْ
JK 5	فَالَّ	يُفَالَّ	فَالَّ	مُغَالَة	مُفَالَّ	مُفَالَّ
JK 6	فَاعِي	يُفَاعِلْ	فَاعِ	مُفَاعِلَة	مُفَاعِ /	مُفَاعِي / المُفَاعِي
JK 7						
JK 8						

5.

Rumusan Wazan Kata kerja W 10 إِنْفَعَلْ < *infa'ala* > dan Kata nama
Mushtaq bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

Jadual 7.6 : Rumusan Wazan Kata kerja W 10 إِنْفَعَلْ < *infa'ala* > dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FAIL	ISM MAF'ÜL
JK 1	إِنْفَعَلْ	يَنْفَعُلْ	إِنْفَعَلْ	إِنْفَعَالْ	مُنْفَعَلْ	مُنْفَعَلْ
JK 2	إِنْفَعَلْ	يَنْفَعُلْ	إِنْفَعَلْ	إِنْفَعَالْ	مُنْفَعَلْ	مُنْفَعَلْ
JK 3	إِنْفَلْ	يَنْفَلْ	إِنْفَلْ / إِنْفِلْ	إِنْفِلَالْ	مُنْفَلْ	مُنْفَلْ
JK 4	-	-	-	-	-	-
JK 5	إِنْفَالْ	يَنْفَالْ	إِنْفَلْ	إِنْفَبَالْ	مُنْفَالْ	مُنْفَالْ
JK 6	إِنْفَعَى	يَنْفَعُلْ	إِنْفَعْ	إِنْفَعَاءُ	مُنْفَعٌ / المُنْفَعُ يُ	مُنْفَعَى / المُنْفَعَى
JK 7	إِنْفَعَى	يَنْفَعُلْ	إِنْفَعْ	إِنْفَعَاءُ	مُنْفَعٌ / المُنْفَعُ يُ	مُنْفَعَى / المُنْفَعَى
JK 8	-	-	-	-	-	-

Berdasarkan kod wazan W 10 إِنْفَعَلٌ <*infa'ala*> dalam jadual di atas , didapati hanya enam kategori kod JK sahaja yang membawa fungsi wazan tersebut . Keenam–enam kod itu terdiri daripada kod JK 1 , JK 2 , JK 3 , JK 5 , JK 6 dan JK 7 . Manakala kod JK 4 dan JK 8 ksedua-duanya adalah tidak produktif dan tidak wujud dalam bahasa Arab . Wazan 'asliy bagi W 10 إِنْفَعَلٌ <*infa'ala*> ini sesungguhnya boleh terdiri daripada berbagai-bagai bentuk variasi mengikut kategori kod JK . Misalnya bagi KK kala lepas terdapat empat variasi wazan yang berbeza iaitu kod JK 1 dan JK 2 يَنْفَعُلُ <*infa'ala*> , kod JK 3 يَنْفَلُ <*infalla*>, kod JK 5 يَنْفَالٌ <*infāla*>, kod JK 6 dan kod JK 7 masing masing يَنْفَعِي <*infa'aī*> . Bagi KK kala kini pula terdapat empat bentuk variasi wazan yang berbeza iaitu kod JK 1 dan JK 2 يَنْفَعِلُ <*yanfa'ilu*> , kod JK 3 يَنْفَلُ <*yanfallu*>, kod JK 5 يَنْفَالٌ <*yanfālu*> kod JK 6 dan JK 7 masing masing يَنْفَعِلُ <*yanfa'ilu*>. KK perintah pula didapati tujuh bentuk variasi pada wazan iaitu kod JK 1 dan JK 2 يَنْفَعُلُ <*infa'il*> , kod JK 3 يَنْفَلُ / يَنْفَلَنُ <*infalla*>/<*infalil*> , kod JK 5 يَنْفَلٌ <*infal*>, kod JK 6 dan kod JK 7 masing masing يَنْفَعِي <*infa'i*>. Kata nama *maṣdar* pula terdapat empat bentuk perubahan pada wazan iaitu kod JK 1 dan JK 2 masing-masing يَنْفَعِلَنُ <*infi'ālun*> , kod JK 3 يَنْفِلَنُ <*infilālun*>, kod JK 5 يَنْفِيَلَنُ <*infiyālun*>, kod JK 7 dan kod JK 7 masing masing يَنْفِعِيَلَنُ <*infi'aīlun*> . Bentuk variasi yang terdapat pada *ism fā'il* pula terdiri daripada empat kod iaitu JK 1 dan kod JK 2 مُنْفَعِلُ <*munfa'ilun*> , kod JK 3 مُنْفَلُ <*munfallun*>, kod JK 5 مُنْفَالٌ <*munfālu*>

<munfālun> , kod JK 6 dan kod JK 7 masing masing مُنْفَعٌ /الْمُنْفَعِي / <mufa‘in>/

<al-munfa‘i> . Ism maf‘ūl pula terdapat enam bentuk wazan yang berlainan iaitu kod JK 1 dan kod JK 2 مُنْفَعٌ <munfa‘alun>, kod JK 3 مُنْفَلٌ <munfallun>, kod JK 5 مُنْفَالٌ <munfālun>, kod JK 6 dan kod JK 7 masing masing مُنْفَعِي / مُنْفَعَى / munfa‘an / <al-munfa‘ā> .

Dengan wujudnya persamaan pada bentuk wazan ini ,maka sebarang kekeliruan akan dapat dikurangkan melalui rumusan-rumusan wazan yang diringkas seperti dalam jadual diberikut :

Jadual 7.6.1 : Ringkasan rumusan wazan W 10

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF‘ŪL
JK 1	إِنْفَعَنْ	يَنْفَعُ	إِنْفَعِلْ	إِنْفَعَانْ	مُنْفَعَلٌ	مُنْفَعٌ
JK 2						
JK 3	إِنْفَلٌ	يَنْفَلٌ	إِنْفَلٌ / إِنْفَلِنْ	إِنْفِلَانْ	مُنْفَلٌ	مُنْفَلٌ
JK 5	إِنْفَالٌ	يَنْفَالٌ	إِنْفَلٌ	إِنْفِيَالٌ	مُنْفَالٌ	مُنْفَالٌ
JK 6	إِنْفَعِي	يَنْفَعِي	إِنْفَعِ	إِنْفَعَاءُ	مُنْفَعِي /الْمُنْفَعِي	مُنْفَعِي / المُنْفَعِي
JK 7						

6. Rumusan Wazan Kata kerja W 11 إِفْتَعَلْ <*ifta‘ala*> dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

Jadual 7.7 : Rumusan Wazan Kata kerja W 11 إِفْتَعَلْ <*ifta‘ala*> dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	MAFŪL
JK 1	إِفْتَعَلْ	يَفْتَعِلُ	إِفْتَعِلْ	إِفْتَعَالْ	مُفْتَعِلٌ	مُفْتَعَلٌ
JK 2	إِتَعَلْ	يَتَعِلُ	إِتَعِلْ إِنْتَعِلْ	إِتَعَالْ	مُتَعِلٌ	مُتَعَلٌ
	إِنْتَعَلْ	يَأْتِعِلُ		إِنْتِعَالْ	مُؤْتَعِلٌ	مُؤْتَعَلٌ
JK 3	إِفْتَلْ	يَفْتَلُ	إِفْتَلْ	إِفْتَعَالْ	مُفْتَلٌ	مُفْتَلٌ
JK 4	إِتَعَلْ	يَتَعِلُ	إِتَعِلْ	إِتَعَالْ	مُتَعِلٌ	مُتَعَلٌ
JK 5	إِفْتَانْ	يَفْتَانُ	إِفْتَلْ	إِفْتِيَالْ	مُفْتَانٌ	مُفْتَانٌ
JK 6	إِفْتَعَى	يَفْتَعِيْ	إِفْتَعِعْ	إِفْتَعَاءُ	مُفْتَعِعِي / المُفْتَعِي	مُفْتَعِي / المُفْتَعِي
JK 7	إِفْتَعَى	يَفْتَعِيْ	إِفْتَعِعْ	إِفْتَعَاءُ	مُفْتَعِعِي / المُفْتَعِي	مُفْتَعِعِي / المُفْتَعِي
JK 8	إِتَعَى	يَتَعِيْ	إِتَعِعْ	إِتَعَاءُ	مُتَعِعِي / المُتَعِي	مُتَعِعِي / المُتَعِي

Jadual 7.7 di atas , merumuskan bahawa satu wazan 'asliy kata kerja W 11 افْتَعَل <ifta'ala> dan kata nama *mushtaq* boleh terdiri daripada berbagai-bagi bentuk variasi yang berbeza mengikut kategori kod JK . Misalnya bagi KK kala lepas terdapat tujuh variasi yang berlainan iaitu kod JK 1 افْتَعَل <ifta'ala> , kod JK 2 اتَّعَل <itta'ala> dan اتَّعَل <i'ta'ala>, kod JK 3 افْتَأَلَ <iftalla> , kod JK 4 اثَّعَلَ <itta'ala> kod JK 5 افْتَالَ <iftala> , kod JK 6 dan kod JK 7 masing masing افْتَعَى <ifta'aā> dan kod JK 8 اتَّعَى <itta'aā>. Bagi KK kala kini terdapat enam bentuk variasi yang berlainan iaitu kod JK 1 يَفْتَعِلُ <yafta'ilu> kod JK 2 يَتَّعِلُ / يَتَّعَلُ <yatta'ilu>/ <ya'ta'ilu> , kod JK 3 يَفْتَأِلُ <yaftallu> , kod JK 4 يَتَّعِلُ <yatta'ilu> , kod JK 5 يَفْتَأَلُ <yafṭālu> , kod JK 6 , JK 7 masing masing يَفْتَعِي <yafta'i> dan kod JK 8 يَتَّعِي <yatta'i>. Bagi KK perintah pula didapati tujuh bentuk variasi iaitu kod JK 1 افْتَعَلَ <ifta'il> , kod JK 2 اتَّعَلَ <itta'il> dan اتَّعَلَ <i'ta'il> , kod JK 3 افْتَأَلَ <iftalla> , kod JK 4 اثَّعَلَ <itta'il> kod JK 5 افْتَلَ <iftal> , kod JK 6 dan JK 7 masing masing افْتَعَ <ifta'i> dan kod JK 8 اتَّعَ <itta'i>.

Kata nama *masdar* pula terdapat enam bentuk perubahan wazan pada kod JK 1 dan kod JK 3 masing-masing افْتَعَانُ <ifti'ālun> , kod JK 2 اتَّعَالُ <itti'ālun> dan اتَّعَانُ <i'ti'ālun> , kod JK 4 اتَّعَانُ <itti'ālun> , kod JK 5 افْتَيَالُ <iftiyālun> , kod JK 6 dan kod JK 7 masing masing افْتَعَاءُ <ifti'aā'un> , dan kod JK 8 اتَّعَاءُ <itti'aā'un>. Bentuk wazan yang terdapat pada *ism fā'il*

pula terdiri daripada enam kod JK 1 مُفْتَحٌ < mufta 'ilun > kod JK 2 مُثْعَلٌ
< mutta 'ilun > dan مُؤْتَحٌ < mu'ta 'ilun >, kod JK 3 مُفْتَلٌ < muftallun >, kod
JK 4 مُثْعَلٌ < mutta 'ilun >, kod JK 5 مُفْتَالٌ < muftālun >, kod JK 6 dan kod
JK 7 masing-masing مُفْتَعِي / المُفْتَعِي < mufta 'i >/ < al-mufta 'ī > dan kod JK 8
مُثْعِي / المُثْعِي < mutta 'in >/ < al-mutta 'ī >. Dan *ism maf'ūl* pula terdapat
enam bentuk variasi pada wazan iaitu kod JK 1 مُفْتَعَلٌ < mufta 'alun > kod JK 2
مُؤْتَعَلٌ / مُثْعَلٌ < mutta 'alun >/ < mu'ta 'alun >, kod JK 3 مُفْتَلٌ < muftallun >,
kod JK 4 مُثْعَلٌ < mutta 'alun >, kod JK 5 مُفْتَالٌ < muftālun > kod JK 6 dan kod
JK 7 masing-masing مُفْتَعِي / المُفْتَعِي < mufta 'an >/ < al-mufta 'ā > dan kod JK 8
مُثْعِي / المُثْعِي < mutta 'an >/ < al-mutta 'ā >.

Dengan wujudnya perbezaan yang ketara pada wazan إِفْتَحَلَ ini , menyebabkan timbulnya kekeliruan dan kecaburan mengenai bentuk wazan pada setiap kod dan kategori kata . Namun dengan mengingati set-set wazan yang dirumuskan dalam jadual di atas , sebarang kekeliruan akan dapat dikurangkan .

7. Rumusan Wazan Kata kerja W 12 تَفْعَل <*tafa‘ala*> dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

Jadual 7.8 : Rumusan Wazan Kata kerja W 12 تَفْعَل <*tafa‘ala*> dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAFŪL
JK 1	تَفْعَل	يَتَفَعَّل	تَفَعَّل	تَفْعُل	مُتَفَعِّلٌ	مُتَفَعِّلٌ
JK 2	تَفْعَل	يَتَفَعَّل	تَفَعَّل	تَفْعُل	مُتَفَعِّلٌ	مُتَفَعِّلٌ
JK 3	تَفَلَّ	يَتَقْلَل	تَفَلَّ	تَفَلَّ	مُتَفَلَّ	مُتَفَلَّ
JK 4	تَفْعَل	يَتَفَعَّل	تَفَعَّل	تَفْعُل	مُتَفَعِّلٌ	مُتَفَعِّلٌ
JK 5	تَفَوَّل	يَتَقْوَلُ	تَفَوَّل	تَفُوْلٌ	مُتَفَوَّلٌ	مُتَفَوَّلٌ
	تَفَيَّل	يَتَقْيَلُ	تَفَيَّل	تَفَيِّلٌ	مُتَفَيَّلٌ	مُتَفَيَّلٌ
JK 6	تَفَعَّى	يَتَفَعَّى	تَفَعَّ	تَفَعَّ / الشَّفَاعَى	مُتَفَعَّ / المُتَفَعِّى	مُتَفَعَّى / المُتَفَعِّى
JK 7	تَفَعَّى	يَتَفَعَّى	تَفَعَّ	تَفَعَّ / الشَّفَاعَى	مُتَفَعَّ / المُتَفَعِّى	مُتَفَعَّى / المُتَفَعِّى
JK 8	تَفَعَّى	يَتَفَعَّى	تَفَعَّ	تَفَعَّ / الشَّفَاعَى	مُتَفَعَّ / المُتَفَعِّى	مُتَفَعَّى / المُتَفَعِّى

Dalam jadual 7.8 di atas , terdapat empat bentuk set wazan yang berlainan mengikut kategori kod JK. Set pertama ialah set wazan bagi kod JK 1 didapati mempunyai persamaan dengan set wazan bagi kod JK 2 dan kod JK 4 . Set kedua hanya diwakili oleh kod JK 3 , set ketiga diwakili oleh kod 5 sahaja, dan set keempat diwakili oleh kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 yang masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama dan boleh bertukar ganti antara satu sama lain pada KK kala lepas , KK kala kini ,KK perintah kata nama *masdari* , *ism fā'il* dan *maf'ūl*. Dengan adanya persamaan ini bentuk wazan dapat diringkas seperti ditunjukkan dalam jadual di berikut :

Jadual 7.8.1 : Ringkasan rumusan wazan W 12

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF'ŪL
JK 1	تَفَعْلُ	يَتَفَعَّلُ	تَفَعْلُ	تَفَعْلُ	مُتَفَعِّلٌ	مُتَفَعِّلٌ
JK 2						
JK 4						
JK 3	تَقْلِ	يَتَقْلِ	تَقْلِ	تَقْلِ	مُتَقْلِ	مُتَقْلِ
JK 5	تَفَوْنُ	يَتَفَوَّنُ	تَفَوْنُ	تَفُولُ	مُتَفَوْنُ	مُتَفَوْنُ
JK 6	تَفَعَّ	يَتَفَعَّ	تَفَعَّ	تَفَعَّ / التَّفَعَّ	مُتَفَعَّ / المُتَفَعَّ	مُتَفَعَّ / المُتَفَعَّ
JK 7						
JK 8						

8. Rumusan Wazan Kata kerja W 13 تَفَاعِلٌ < *tafā‘ala* > dan Kata nama

Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd

Jadual 7.9 : Rumusan Wazan Kata kerja W 13 تَفَاعِلٌ < *tafā‘ala* > dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAFŪL
JK 1	تَفَاعِلٌ	يَتَفَاعِلُ	تَفَاعِلٌ	مُتَفَاعِلٌةٌ	مُتَقَاعِلٌ	مُتَقَاعِلٌ
JK 2	تَأَعَلٌ	يَتَأَعَلُ	تَأَعَلٌ	مُتَأَعَلٌةٌ	مُتَوَاعِلٌ	مُتَوَاعِلٌ
JK 3	تَفَالٌ	يَتَفَالٌ	تَفَالٌ	مُتَفَالٌةٌ	مُتَفَالٌ	مُتَفَالٌ
JK 4	تَفَاعِلٌ	يَتَفَاعِلُ	تَفَاعِلٌ	مُتَفَاعِلٌةٌ	مُتَقَاعِلٌ	مُتَقَاعِلٌ
JK 5	تَفَاعِلٌ	يَتَفَاعِلُ	تَفَاعِلٌ	مُتَفَاعِلٌةٌ	مُتَقَاعِلٌ	مُتَقَاعِلٌ
JK 6	تَفَاعِى	يَتَفَاعِى	تَفَاعِى	مُتَفَاعَاءٌ	مُتَفَاعِ / المُتَفَاعِي	مُتَفَاعِى / المُتَفَاعِي
JK 7	تَفَاعِى	يَتَفَاعِى	تَفَاعِى	مُتَفَاعَاءٌ	مُتَفَاعِ / المُتَفَاعِي	مُتَفَاعِى / المُتَفَاعِي
JK 8	تَفَاعِى	يَتَفَاعِى	تَفَاعِى	مُتَفَاعَاءٌ	مُتَفَاعِ / المُتَفَاعِي	مُتَفَاعِى / المُتَفَاعِي

Berdasarkan bentuk-bentuk wazan dalam jadual 7.9 di atas , dapat dirumuskan bahawa wazan *'aṣliy* kata kerja W 13 تَفَاعِلٌ < tafā'ala > dan Kata nama *Mushtaq* juga boleh terdiri daripada empat bentuk set wazan mengikut kategori kod JK . Bagi kategori kod JK 1, JK 4 dan JK 5 , dilihat masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama dan boleh bertukar ganti antara satu sama lain pada KK kala lepas , KK kala kini , KK perintah kata nama *maṣdar* , *ism fā'il* dan *ism maf'ūl* . Manakala kod JK 2 dan kod JK 3 pula masing-masing mempunyai set wazan tersendiri yang berlainan dengan kod-kod jenis yang lain . Sementara kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama dalam semua kategori kata .

Dengan wujudnya persamaan ini , sebarang kekeliruan dan kekaburuan mengenai bentuk wazan pada setiap kod JK dan kategori kata dapat dikurangkan seperti dirumuskan dalam jadual di bawah :

Jadual 7.9.1 : Ringkasan rumusan wazan W 13

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FAIL	ISM MAF'ÜL
JK 1						
JK 4	تَفَاعَلْ	يَتَفَاعَلْ	تَفَاعَلْ	مُتَفَاعِلَةٌ	مُتَفَاعِلْ	مُتَفَاعَلْ
JK 5						
JK 2	تَأَعَلْ	يَتَأَعَلْ	تَأَعَلْ	مُتَأَعِلَةٌ	مُتَأَعِلْ	مُتَأَعَلْ
JK 3	تَفَالْ	يَتَفَالْ	تَفَالْ	مُتَفَالَةٌ	مُتَفَالْ	مُتَفَالْ
JK 6						
JK 7	تَفَاعَى	يَتَفَاعَى	تَفَاعَ	مُتَفَاعَةٌ	مُتَفَاعِعٌ / المُتَفَاعِيْ	مُتَفَاعَى / المُتَفَاعِيْ
JK 8						

9. Rumusan Wazan Kata kerja W15 اِسْتَفْعَلْ < *istaf‘ala* > dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

Jadual 7.10 : Rumusan Wazan Kata kerja W15 اِسْتَفْعَلْ < *istaf‘ala* > dan Kata nama *Mushtaq* bagi kategori *Thulāthiy Mazīd*

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAŞDAR	ISM FĀIL	ISM MAF’ŪL
JK 1	اِسْتَفْعَلْ	يَسْتَفْعِلُ	إِسْتَفْعِلْ	إِسْتِقَاعَلْ	مُسْتَفْعِلُ	مُسْتَفْعِلُ
JK 2	اِسْتَفْعَلْ	يَسْتَفْعِلُ	إِسْتَفْعِلْ	إِسْتِقَاعَلْ	مُسْتَفْعِلُ	مُسْتَفْعِلُ
JK 3	اِسْتَفَلْ	يَسْتَفِلُ	إِسْتَفِلْ	إِسْتِقَالَلْ	مُسْتَفِلُ	مُسْتَفَلْ
JK 4	اِسْتَفْعَلْ	يَسْتَفْعِلُ	إِسْتَفْعِلْ	إِسْتِقَاعَلْ	مُسْتَفْعِلُ	مُسْتَفْعِلُ
JK 5	اِسْتَفَالْ	يَسْتَفِلِينْ	إِسْتَفِلْ	إِسْتِقَالَة	مُسْتَكِيفِينْ	مُسْتَفَالْ
JK 6	اِسْتَفَعَى	يَسْتَفَعِيْ	إِسْتَفَعَى	إِسْتِفَعَاءُ	مُسْتَفَعِي / المُسْتَفَعِي	مُسْتَفَعَى / المُسْتَفَعَى
JK 7	اِسْتَفَعَى	يَسْتَفَعِيْ	إِسْتَفَعَى	إِسْتِفَعَاءُ	مُسْتَفَعِي / المُسْتَفَعِي	مُسْتَفَعَى / المُسْتَفَعَى
JK 8	اِسْتَفَعَى	يَسْتَفَعِيْ	إِسْتَفَعَى	إِسْتِفَعَاءُ	مُسْتَفَعِي / المُسْتَفَعِي	مُسْتَفَعَى / المُسْتَفَعَى

Rumusan-rumusan wazan kata kerja W15 اِسْتَفْعَلْ <*istaf 'ala*> dan kata nama *mushtaq* dalam jadual 7.10 di atas , menunjukkan bahawa terdapat empat perbezaan bentuk set wazan mengikut kategori kod JK . Set pertama ialah set wazan bagi kod JK 1 didapati mempunyai persamaan dengan set wazan bagi kod JK 2 dan kod JK 4 . Set kedua hanya diwakili oleh kod JK 3 , set ketiga diwakili oleh kod JK 5 sahaja, dan set keempat didapati diwakili oleh kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 yang masing-masing mempunyai satu set wazan yang sama dan boleh bertukar ganti antara satu sama lain pada KK kala lepas , KK kala kini , KK perintah , kata nama *maṣdar* , *ism fā'il* dan *ism maf'ūl* .

Dengan adanya persamaan bentuk set wazan ini dapatlah diringkaskan seperti ditunjukkan dalam jadual di berikut :

Jadual 7.10 .1 : Ringkasan rumusan wazan W 15

KOD JK	KK KALA LEPAS	KK KALA KINI	KK PERINTAH	MAṢDAR	ISM FĀIL	ISM MAF'ŪL
JK 1						
JK 2	اِسْتَفْعَلْ	يَسْتَفْعِلْ	اِسْتَفْعَلْ	اِسْتَفْعَلْ	مُسْتَفِعْلُ	مُسْتَفْعَلْ
JK 4						
JK 3	اِسْتَفَلْ	يَسْتَفِلْ	اِسْتَفَلْ	اِسْتِقْلَالْ	مُسْتِقْلُ	مُسْتَقْلَ
JK 5	اِسْتَفَالْ	يَسْتَفِيلْ	اِسْتَفِلْ	اِسْتِقَالَة	مُسْتَقِيلْ	مُسْتَفَالْ
JK 6						
JK 7	اِسْتَفَعَى	يَسْتَفِعَى	اِسْتَفَعْ	اِسْتِقْعَاء	مُسْتَفْعٍ / الْمُسْتَقْعِى	مُسْتَفَعَى / الْمُسْتَقْعَى
JK 8						

7.1.3 Perubahan-perubahan Morfologi Pada Struktur Kata kerja dan Kata nama *Mushtaq* Bahasa Arab

1. Analisis kajian yang dijalankan dalam bab 4,5 dan 6 merumuskan bahawa struktur susunan huruf dalam kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab berperanan menentukan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan antara wazan '*asliy* dan kata *al-mawzūn* . Kata berdasarkan susunan huruf terbahagi kepada dua jenis iaitu JKS 1 dan JKM 2. Tiap-tiap satu dari dua jenis tersebut boleh terbahagi pula kepada beberapa subjenis . Subjenis - subjenis yang dimaksudkan ialah JK 1, JK 2 dan JK 3 bagi kategori JKS 1 dan JK 4, JK5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 bagi kategori JKM 2 .
2. Daripada analisis yang dijalankan terhadap proses pembentukan kata dalam bab 4, 5 dan 6 didapati kehadiran huruf '*illah* dalam suatu kata merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kewujudan bentuk persamaan dan perbezaan antara wazan '*asliy* dan kata *al-mawzūn* berbanding huruf-huruf konsonan . Huruf '*illah* mempunyai kekerapan penggunaan yang agak tinggi di dalam struktur kata bahasa Arab. Kehadirannya dalam suatu kata telah mempengaruhi perubahan bentuk wazan dan kewujudan huruf –huruf lain yang berada di persekitarannya ,

menyebabkan terjadinya proses pengguguran , penukaran huruf , pengalihan harakah dan sebagainya seperti berlaku pada KK kala lepas JK 5 ٰقَانْ (wazan asalnya ialah فَعْل <fa'ala>) , KK kala kini JK 4 يَصِّنْ و JK 8 يَقُوْ (wazan asalnya ialah يَفْعُل <yaf'ilu>) , KK kala kini JK 5 يَفْعُلْ (wazan asalnya ialah يَفْعُل <yaf'ulu>) dan KK perintah JK 2 كُنْ dan JK 5 فُلْ (wazan asalnya ialah أَفْعُل <'uf 'ul>) , JK4 صِّنْ , JK 6 اِرْمْ , JK 7 اِقوْ (wazan asalnya ialah إِفْعُل <if 'il>) , Perbezaan antara wazan dan kata *al-mawzīn* seumpama ini turut dilihat berlaku pada kata kerja *mazīd* dan kata nama *mushtaq*.

3. Huruf 'illah yang mempengaruhi perubahan pada struktur kata kerja dan kata nama *mushtaq* subgolongan keduanya terdiri daripada huruf *alif* , *wāw* dan *yā'* . Manakala huruf *hamzah* juga disamakan dengan huruf 'illah . Proses pengolahan bentuk huruf 'illah daripada kata akar ke suatu kata baru sering menjadi kekeliruan dan kecaburan . Apabila kata dasar terdiri daripada salah satu dari empat huruf tersebut, maka keempat –empat huruf tersebut kemungkinan hilang dan diganti dengan huruf lain atau berlaku perubahan pada bunyi dan harakah tanpa mengubah makna. Perubahan tersebut disebabkan wazan regularnya mengalami sedikit perubahan morfologi dan fonologi . Pengetahuan tentang fenomena ini sangat penting kerana membantu kita untuk lebih waspada ketika mencari akar kata suatu kata . Untuk memperjelas bagaimana huruf 'illah tersebut mempengaruhi struktur pola suatu kata. Berikut adalah beberapa contoh perubahan huruf-huruf tersebut dalam proses pembentukan KK lepas kepada KK kala kini :

Jadual 7.11 : Pengaruh huruf ‘illah terhadap struktur kata

Jenis Kata	KK kala lepas	KK kala kini`
Huruf <i>wāw</i> (و) digugurkan		
JK 4	وَرَثَ	يَرِثُ
JK 4	وَزَنَ	يَرْزُنُ
JK 4	وَعَدَ	يَعِدُ
JK 4	وَجَدَ	يَجِدُ
Huruf <i>alif</i> (ا) ditukar kepada huruf <i>wāw</i> (و)		
JK 5	قَالَ	يَقُولُ
JK 5	كَانَ	يَكُونُ
JK 5	فَامَ	يَفْعُمُ
JK 5	مَاتَ	يَمُوتُ
JK 6	دَعَا	يَدْعُوا
JK 6	تَلَّا	يَتَلَّوُ
Huruf <i>alif</i> (ا) ditukar kepada huruf <i>yā'</i> (ي)		
JK 5	بَاعَ	يَبِيعُ
JK 5	كَالَ	يَكِيلُ
JK 6	رَمَى	يَرْمِي

4. Kajian ini juga merumuskan bahawa terdapat 5 perubahan morfologi yang dikenalpasti menyebabkan wujudnya perbezaan antara wazan '*asliy*' dan kata *al-mawzūn* iaitu :-

A. Pengguguran Huruf

Pengguguran huruf sering berlaku dalam pembentukan kata bahasa Arab atas pertimbangan morfologi dan fonologi . Ia bertujuan meringgankan sebutan , atau mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* . Pengguguran banyak melibatkan huruf ‘*illah*’ kerana sifatnya yang lemah dan tidak boleh menangung harakah. Justeru , kewujudannya menyebabkan struktur binaan sesuatu kata tidak seimbang dan bacaan kata menjadi tidak lancar seperti قُل // *qul* // (pola asalnya ialah قُل // *qul* //) , يَعْدُ // *ya‘idu* // (pola asalnya ialah يَعْدُ // *yaw‘idu* //) dan إِشَارَةٌ // *ishārah* // (pola asalnya ialah إِشَارَةٌ // *isywārun* //) .

Selain huruf ‘illah , pengguguran huruf *hamzah* juga turut berlaku pada KK kala kini seperti يُحْسِنُ , *ism fā’il* seperti مُحْسِنٌ dan *ism maf’ūl* seperti مُحْسَنٌ bagi wazan أَفْعَلٌ < af’ala > di mana bentuk pola asalnya ialah مُؤْحَسِنٌ , يُؤْحِسِنٌ dan مُؤْحَسَنٌ . Demikian juga huruf *hamzah* di awalan dan di sisipan KK perintah seperti كُلُّ , خُذُّ dan وَكُلُواوَاشْرِبُوا , خُذُّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً : مُرْ وَكُلُواوَاشْرِبُوا , لِسَبِيعٍ مُرْفُوا أَوْلَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ : . Pengguguran *hamzah* dibuat kerana mengikuti pengguguran *hamzah* pada ketika bergandingan dengan *damīr* diri pertama iaitu أُوجْسِنُ disebabkan pertembungan dua huruf *hamzah* .

Pengguguran huruf *tā’* (التاء) juga lihat berlaku pada awalan KK kala kini bagi wazan تَفَاعَلٌ < tafa‘ala > , تَفَاعَلَ < tafā‘ala > dan تَفَاعَلَ < tafa‘lala > ketika berhimpun dua huruf *tā’* di awalan KK kala kini seperti تَتَبَعَّدُ و تَتَضَاعَفُ , تَتَقَدَّمْ و تَتَبَعَّدُ . Pengguguran salah satu daripada huruf *tā’* tersebut akan menimbulkan kekeliruan kerana kedua-duanya masing –masing mendukung makna . Namun , salah satu huruf *tā’* tersebut boleh digugurkan atas pertimbangan morfologi iaitu untuk meringankan sebutan sebagaimana dilihat dalam firman Allah Taala dalam al-Quran : فَلَمَّا تَصَدَّى , تَنَزَّلَ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا dan فَأَنْذَرْنَاهُمْ نَارًا ئَلَطِي . Justeru , berdasarkan kaedah *al-Mizan al-Sarfiy* , huruf yang digugurkan dapat dikenalpasti dan struktur bacaan kata yang dibentuk menjadi lurus dan tepat .

Kajian ini mendapati pengguguran huruf hanya melibatkan kata nama dan kata kerja peringkat *thulāthiy mujarrad* dan *thulāthiy mazīd* sahaja . Manakala peringkat *rubā’iy mujarrad* dan *rubā’iy mazīd* tidak mengalami sebarang pengguguran huruf sebaliknya setiap kekal utuh pada tempatnya . Selain itu jenis kata yang banyak terlibat dalam pengguguran huruf ialah dalam kategori kata JKM 2 mengikut kod wazan seperti ditunjukkan dalam jadual 7.12 berikut :

Jadual 7. 12 : Pengguguran huruf pada Kata kerja

Bahagian	Peringkat	Jenis Kala	Kod Wazan	Kod JK
Kata kerja	<i>Thulāthiy Mujarrad</i>	Kala Lepas	Tiada	Tiada
		Kala Kini	W1 W 2 ,W 5	JK 4-1 , JK 4-2 JK 4 , JK 8
		Kata kerja Perintah	Semua Kod Wazan	JK 4,5,6,7,8
	<i>Rubā’iy Mujarrad</i>	Tiada	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy Mazīd</i>	Kala Lepas	Tiada	Tiada
		Kala Kini	Tiada	Tiada
			W 7 W 8 W 9	JK 5,6,7,8 JK 6,7,8 JK 6,7,8

		Kata kerja Perintah	W 10 W 11 W 12 W 13 W 15	JK 5,6,7 JK 5,6,7,8 JK 6,7,8 JK 6,7,8 JK 5,6,7,8
	Rubā‘iy Mazīd	Tiada	Tiada	Tiada

Jadual 7.13 : Pengguguran huruf pada kata kerja ketika pergantian dengan *damīr*

Bahagian	Peringkat	GN	Jenis Kala	Kod Wazan	Kod Jenis Kata	
Diri Pertama	Diri Pertama	نَّا , تَّ	Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK 5	
		أَنَا ، نَحْنُ	Kala Kini	Semua Kod Wazan	JK 4	
		Tiada	Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada	
Diri Kedua	Diri Kedua	نَّمَا , تَّمَّا , تَّ	Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK 5	
		نَّمَّ , نَّمْ	Kala Kini	Semua Kod Wazan	JK 4	
		Semua <i>damīr</i>			JK 5	
		نَّ			JK 5	
		وْ , يِ			JK 6-1, JK 6-2 ,	

Bahagian	Peringkat	GN	Jenis Kala	Kod Wazan	Kod Jenis Kata
					JK 6-3 , JK 7 , JK 8
Kata Kerja		Semua <i>đamīr</i> Semua <i>đamīr</i> أَنْتَ ، أَنْتِ وْ ، يِ ، أَنْتَ Semua <i>đamīr</i>	Kata kerja Perintah	W 1 hingga W 6 Semua Kod Wazan Semua Kod Wazan Semua Kod Wazan Semua Kod Wazan	JK 2 JK 4 JK 5 JK 6-1. JK 6-2 , JK 6-3 , JK 7 JK 8
	Diri Ketiga	وَا ، ؑا ، ؑ			JK 6-1 gantian waw dan ya', JK 7 , JK 8
		وَا	Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK 6-2 JK 6-3
		Semua <i>đamīr</i>			JK 4

Bahagian	Peringkat	GN	Jenis Kala	Kod Wazan	Kod Jenis Kata
		ُ ُّ	Kala Kini	Semua Kod Wazan	JK 5 JK 6-1 , JK 6-2 , JK 6-3 , JK 7 , JK 8
		Tiada	Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada

Jadual 7.14 : Pengguguran huruf pada kata nama *mushtaq*

Bahagian	Peringkat	Kod Jenis Kata	Kod Wazan
<i>Masdar</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	samā‘iy	samā‘iy
	<i>Rubā‘iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 5	WM 1 , WM 9
	<i>Rubā‘iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
<i>Kata nama ism fā‘il</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	JK 6,JK 7,JK 8	WP 1
	<i>Rubā‘iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 6,JK 7,JK 8	WP 2 , WP 3,WP 4,WP 5 , WP 6 , WP 7,WP 8
	<i>Rubā‘iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
<i>Kata nama ism maf‘ūl</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	JK 5	WO 1
	<i>Rubā‘iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	Tiada	Tiada

	<i>Rubā'iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>sīghah mubālaghah</i>	Tiada	Tiada	Tiada
Kata nama <i>sifat mushabbahah</i>	Tiada	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism tafḍīl</i>	Tiada	Tiada	Tiada

Bagi kategori kata nama , huruf asal bagi *thulāthiy mujarrad* dan *rubā'iy mujarrad* tidak boleh digugurkan tanpa sebab . Jika digugurkan mengikut pertimbangan morfologi , pemakaianya mesti diganti dengan huruf lain supaya tidak hilang jumlah huruf asal dalam setiap kategori tersebut. Kebiasaannya huruf gantian kepada huruf asal itu ialah huruf *tā' marbūtah* (التاء المربوطة) dan kadang kala berbentuk harakah tanwīn *إعنة* seperti قاضٍ dan *إعنة* قاضٍ seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 7.15 : Pengguguran huruf akar bagi kata nama

1	2	3	Wazan
إعان (wazan فاعل)	إعان (digugur huruf asal و)	إعنة (diganti huruf ة di akhiran)	إفالة <u>< ifālatun ></u>
قاضي (wazan فاعل)	قاضٍ (digugurkan huruf asal ي)	قاضٍ (diganti dengan harakah tanwin ـ)	فاعٍ <u>< fā 'in ></u>

B. Pengalihan Harakah

Pengalihan harakah adalah bertujuan mewujudkan keselesaan dan kelancaran dalam bacaan kata . Hasil kajian mendapati kod JK yang banyak terlibat dalam pengalihan harakah ialah dalam kategori kata JKM 2 mengikut kod wazan seperti ditunjukan dalam jadual berikut :

Jadual 7.16 : Pengalihan harakah pada kata kerja

Bahagian	Peringkat	Jenis Kala	Kod Wazan	Kod JK
Kata kerja	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Kala Lepas	Tiada	Tiada
		Kala Kini	W1,W 4 W2,W5 W3,W6	JK 4-1 JK 3, JK 5-2 JK 5-1 , JK5-2
		Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada
		<i>Rubā'iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	Kala Lepas	W7 W14	JK5-1, JK5-2 JK 5-1 , JK5-2
		Kala Kini	W7 W 14	JK 3 , JK5-1, JK5-2 JK 5-1 , JK5-2
		Kata kerja Perintah	W 7 W 14	JK 3 , JK5-1, JK5-2 JK 5-1 , JK5-2
		<i>Rubā'iy mazīd</i>	Tiada	Tiada

Jadual 7.17 : Pengalihan harakah pada kata kerja ketika sambungan dengan *damīr*

Bahagian	Peringkat	GN	Jenis Kala	Kod Wazan	Kod Jenis Kata
Kata Kerja	Diri Pertama	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
		Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
		Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
	Diri Kedua		Kala Lepas		
			kala kini	Semua Kod Wazan	JK 8 ,JK 9
		ڻ، ڻ	Kata kerja Perintah	Semua Kod Wazan	JK 6-2 ,JK6-3 ,JK 8 , JK 9
	Diri Ketiga	ڦ	Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK 6-3 ,
		ڻ، ڻ	Kala Kini	Semua Kod Wazan	JK 8 ,JK 9
		Tiada	Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada

Jadual 7.18 : Pengalihan harakah pada kata nama *mushtaq*

Bahagian	Peringkat	Kod Jenis Kata	Kod Wazan
<i>Masdar</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Rubā‘iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 5	W0 2 ,WO 9
	<i>Rubā‘iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism fā‘il</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Rubā‘iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 3 JK 5 :1 , JK 5 : 2	WP 2 , WP 9 WP 2 , WP 6 ,WP 8, WP 9
	<i>Rubā‘iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism maf‘ūl</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	JK 5 :1 , JK 5 : 2	WO 1
	<i>Rubā‘iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 3 JK 5 :1 , JK 5 : 2	WP 2 , WP 9 WP 2 , WP 6 ,WP 8, WP 9
	<i>Rubā‘iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>sīghah mubālaghah</i>	Tiada	Tiada	Tiada
Kata nama <i>sifat mushabbahah</i>	Tiada	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism tafḍīl</i>	Tiada	Tiada	Tiada

C. Pengimbuhan

Kata kerja bahasa Arab menurut jumlah susunan hurufnya terbahagi kepada kata kerja *al-mujarrad* m dan kata kerja *al-mazid* . Kata kerja *al-mujarrad* adalah kata kerja yang sususnan hurufnya tidak mengalami pengimbuhan . Manakala kata kerja *al-mazid* pula adalah kata kerja yang sususnan hurufnya sudah mengalami pengimbuhan satu huruf , dua huruf atau tiga huruf .

Huruf-huruf imbuhan dalam bahasa Arab terdiri daripada 10 huruf yang dihimpun dalam ungkapan : سَأْتَمُونِيهَا الْيَوْمَ تَنْسَاهُ . Kehadiran huruf –huruf imbuhan dalam suatu kata turut memberi kesan kepada struktur suatu kata terutama dalam kategori JKS 2. Ia boleh mengakibatkan sedikit perubahan morfofonologi seperti pengguguran , pengalihan penyerapan dan penyuraian , penukaran dan sebagainya . Perubahan jenis ini menyebabkan wujudnya implikasi tertentu terhadap persamaan dan perbezaan antara wazan *'asliy* dan kata *al-mawzūn* . Di mana akan berlaku tiga perubahan bunyi, samada bunyi baru mungkin timbul , atau bunyi lama akan gugur ,atau ada bunyi lama yang akan mengalami penyesuaian akibat proses tersebut .

Al-Mīzān al-Sarfiy adalah satu mekanisma yang digunakan untuk mengenalpasti huruf asal dan huruf imbuhan dengan mudah dan tepat. Kerana setiap imbuhan yang wujud pada suatu kata, juga turut wujud dalam wazan timbangan. Oleh sebab itu, kata *mazīd* lebih mudah diaplikasi keraana ia adalah *qiyāsiy* dan wazannya tetap utuh pada tempatnya berbanding kata *mujarrad*.

Berikut adalah jadual yang boleh menjelaskan implikasi kewujudan huruf imbuhan terhadap persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn*.

Jadual 7.19 : Pengimbuhan huruf pada kata kerja

Bahagian	Peringkat	Peringkat Kata Kerja	Kod Wazan/JK (Persamaan)	Kod Wazan/JK (Perbezaan)
Kata kerja	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Kala Lepas	Tiada	Tiada
		Kala Kini	Tiada	Tiada
		Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada
	<i>Rubā'iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	Kala Lepas	W7 : JK1 , JK4 , JK6 - JK8 W8 : JK 1 – JK 8 W9 : JK1, JK3-JK8 W10 : JK1, JK2, JK6, JK7	W7 : JK2,JK3, JK5, W9 : JK2 W10 : JK3,JK5 W 11 : JK 3-JK8 W 12 : JK 6- JK 8

Bahagian	Peringkat	Peringkat Kata Kerja	Kod Wazan/JK (Persamaan)	Kod Wazan/JK (Perbezaan)
			W 11 : JK1 ,JK 2 W 12 : JK1-JK 5 W 13 : JK1 , JK 2 ,JK4 , JK5 W 15 : JK 1,JK2,JK4	W 13 : JK 3 ,JK6-JK8 W 15 : JK3, JK5-JK8
		Kala Kini	W7: JK 1, JK2, JK4, JK6 - JK8 W8 :JK 1 – JK 8 W9 :JK1-JK5 W10 :JK1- JK7 W 11 :JK1 ,JK 2 W 12 :JK1-JK 5 W 13 :JK1 , JK 2 ,JK4 , JK5 W 15 : JK 1,JK2,JK4	W7: JK3 ,JK5 W9 : JK 3, JK6-JK8 W 11 : JK 3-JK8 W 12 : JK 6- JK 8 W 13 : JK 3 ,JK6-JK8 W 15 : JK3, JK5-JK8
		Kata kerja Perintah	W 7:JK1,JK3,JK4 W 8 :JK1-JK5 W9 :JK1,JK3-JK5 W 10 :JK1-JK7 W 11 :JK1 ,JK 2,JK3 W 12 :JK1-JK 5 W 13 :JK1 , JK 2 ,JK4 , JK5 W 15 : JK 1-JK4	W7: JK2, JK 3 , JK5- JK8 W8 :JK6-JK8 W9: JK6-JK8 W 10 :JK3 W 15 : JK3, JK5-JK8 W 11 : JK 3-JK8 W 12 : JK 6- JK 8 W 13 : JK 3 ,JK6-JK8
	<i>Rubā'iyy mazīd</i>	Tiada	Tiada	Tiada

D. Penukaran Huruf

Bahasa Arab amat mementingkan keselesaan dan kelancaran dalam bacaan kata , Susunan huruf memainkan peranan penting dalam menentukan kadar kelancaran huruf , kejanggalan dalam susunan huruf akan membawa kepada kesulitan menyebut kata dan mengakibatkan ia kurang digunakan. Justeru , mana –mana huruf yang menghalang daripada matlamat tersebut akan digugurkan atau ditukar kepada huruf lain yang lebih sesuai dan sama makhraj atau sifat dengannya . Kebanyakan huruf yang terlibat dalam proses penggantian ialah huruf ‘illah iaitu ﴿ي، و، ا﴾ dan beberapa huruf konsonan iaitu ض، ص، ط، د، ذ . Ketidaksesuaian harakah , sifat dan makhraj huruf antara huruf – huruf tersebut dengan huruf sebelumnya dan persekitarannya merupakan sebab utama penukaran berlaku . Antara contohnya ialah :

Jadual 7.20 : Contoh-contoh penukaran huruf

Perkataan	Huruf yang ditukar	Wazan	Sebab penukaran
بَاعْ	Huruf <i>yā'</i> (ي) kepada huruf <i>alīf</i> (أ) asalnya بَيَعْ	فَعَلْ	Ketidaksesuaian huruf ‘illah (ي) dengan suara <i>fataāh</i> sebelumnya
اصطبر	Huruf <i>tā'</i> (ت) kepada huruf <i>tā'</i> (ط) asalnya اـصـتـبـر	اقـتـعـلـ	Perbezaan makhraj antara huruf <i>tā'</i> (ت) dengan huruf <i>sād</i> (ص) sebelumnya

Perkataan	Huruf yang ditukar	Wazan	Sebab penukaran
قَائِلٌ	Huruf <i>wāw</i> (و) kepada huruf <i>hamzah</i> (ء) asalnya َلُولُ	فعل	Kedudukan huruf <i>wāw</i> (و) selepas huruf <i>alif</i> (ا)
إِزْ دَهَرَ	Huruf <i>tā'</i> (ت) kepada huruf <i>dāl</i> (د) asalnya ِزْهَرَ	اقتعل	Perbezaan sifat huruf antara huruf <i>tā'</i> (ت) dan huruf <i>dāl</i> (د) sebelumnya

Kajian ini juga mendapati penukaran huruf berlaku pada peringkat *thulāthiy mujarrad* dan *thulāthiy mazīd* bagi wazan-wazan dan jenis kata seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 7. 21 : Penukaran huruf pada kata kerja

Bahagian	Peringkat	Jenis Kata Kerja	Kod Wazan	Kod JK
	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Kala Lepas	W1-6	JK 5:1 , JK 5:2
		Kala Kini	W2,W3, W 4	JK 6 ,JK 7 , JK 8
		Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada
	<i>Rubā'iyy mujarrad</i>	Tiada	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	Kala Lepas	W7 ,W10 , W11	JK5-1, JK5-2 JK 1 , JK 5-1 , JK5-2 , JK 6, JK7,JK8

Bahagian	Peringkat	Jenis Kata Kerja	Kod Wazan	Kod JK
Kata kerja			W12	JK 6,JK7,JK 8
			W 13	JK 6,JK7,JK 8
			W 15	JK 5-1 , JK5-2 , JK 6, JK7,JK8
		Kala Kini	W7 W 9 W 11 W 12 W 13 W 15	JK5-1, JK5-2 JK 6,JK 7, JK8 JK 1 , JK 4 ,JK 5 : 1, JK 5 : 2, JK 6, JK 7, JK 8 JK 6,JK7,JK 8 JK 6,JK7,JK 8 JK 5-1 , JK5-2 , JK 6, JK7,JK8
		Kata kerja Perintah	W 11	JK 1 , JK 3 , JK8
		<i>Rubā‘iy mazīd</i>	Tiada	Tiada

Jadual 7.22 : Penukaran huruf pada kata kerja ketika bergandingan dengan *damīr*

Bahagian	Peringkat	GN	Jenis Kata Kerja	Kod Wazan	Kod JK
Kata Kerja	Diri Pertama		Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK6 ,JK 7,JK 8
			kala kini	Semua Kod Wazan	JK 5
			Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada
	Diri Kedua		Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK 6 , JK 7 , JK 8
		نِعَّا	kala kini	Semua Kod Wazan	JK 5 ,JK 6
			Kata kerja Perintah	Semua Kod Wazan	JK 5 , JK6 ,
	Diri Ketiga	أَنْ	Kala Lepas	Semua Kod Wazan	JK 6 , JK 7 , JK 8
			Kala Kini	Semua Kod Wazan	JK 5 ,JK 6 ,
	Tiada		Kata kerja Perintah	Tiada	Tiada

Jadual 7.23 : Penukaran huruf pada kata nama *mushtaq*

Bahagian	Peringkat	Kod JK	Kod Wazan
<i>Masdar</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Rubā'iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 2 , JK4 JK6-JK8 JK4-JK 5, JK 6 ,JK 7 JK8	WM 2 WM 6 ,WM 8 , WM 9
	<i>Rubā'iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism fā'il</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Rubā'iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK4 JK 5 :1 , JK 5 : 2	WP 6 WP 2 , WP 6 ,WP 8, WP 9
	<i>Rubā'iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism maf'ūl</i>	<i>Thulāthiy mujarrad</i>	JK 5 :1 , JK 5 : 2 , JK 6, JK7, JK8	WO 1
	<i>Rubā'iy mujarrad</i>	Tiada	Tiada
	<i>Thulāthiy mazīd</i>	JK 4 JK 5 :1 , JK 5 : 2	WO 6 WO 2 , WO 6 ,WO 8, WO 9
	<i>Rubā'iy mazīd</i>	Tiada	Tiada
Kata nama <i>sīghah mubālagah</i>	Tiada	Tiada	Tiada
Kata nama <i>sifat mushabbahah</i>	Tiada	Tiada	Tiada
Kata nama <i>ism tafḍil</i>	Tiada	Tiada	Tiada

E. Penyerapan dan Penyuraian Huruf

Hasil kajian mendapati penyerapan huruf pada kata kerja banyak melibatkan kod JK 3 dan diikuti JK 2 , JK 3 , JK 4 dan JK 8 . Penyerapan huruf pada kata nama *māṣdar* pula berlaku pada JK 2 dan JK 3 . Penyerapan huruf pada *ism fā‘il* banyak berlaku pada kod JK 3 dan diikuti JK 2. Penyerapan huruf pada *ism maf‘ūl* melibatkan kod JK 2 , JK 3 JK 6 , JK 7 dan JK 8 . Sementara penyuraian huruf pula banyak berlaku pada kod JK 3 bagi KK kala kini ketika bergandingan dengan *damīr* diri kedua dan ketiga , dan KK perintah ketika bergandingan dengan *nūn* . Bagi *māṣdar* pula penyuraian huruf melibatkan kod wazan W 6, W 8 , W 9 pada kod JK 3. Berikut adalah jadual yang boleh menjelaskan penyerapan dan penyuraian huruf mengikut kod wazan dan kod JK seperti ditunjukkan dalam jadual berikut :

Jadual 7 . 24 : Penyerapan dan penyuraian huruf

Bahagian	Penyerapan	Penyuraian
Kata kerja	W1 : JK 3 W2 : JK 3 W3 : JK 3 W4 : JK 3 W5 : JK 3 W6 : JK 3 W7 : JK 2 , JK 3	KK Kala kini ketika bergandingan dengan <i>damīr</i> diri kedua dan ketiga bagi JK 3 KK perintah ketika bergandingan dengan <i>damīr nūn</i> bagi JK 3

Bahagian	Penyerapan	Penyuraian
	W9 : JK 3 W10 : JK 3 W11 : JK 3 , JK 4 JK 8 W13 : JK 32 , JK 3 W15 : JK 3	Tiada
<i>Masdar</i>	WM 5 : JK 2, JK 3	W6 : JK 3 W8 : JK 3 W9 : JK 3
<i>Ism Fa‘il</i>	WP 1 : JK 2 , JK 3 WP 2 : JK 3 WP 3 : JK 3 WP 4 : JK 3 WP 5 : JK 3 WP 6 : JK 3 WP 8 : JK 3 WP 9 : JK 3	Tiada
<i>Ism Maf‘ūl</i>	WO 1 : JK 6 , JK 7 , JK 8	Tiada

7.2 SARANAN DAN CADANGAN

Bagi memanfaatkan hasil kajian ini , dikemukakan saranan dan cadangan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab peringkat pembentukan kata khususnya para pelajar dan pendidik . Antaranya ialah :

1. Kata kerja *thulāthiy mujarrad* dalam bahasa Arab kebanyakannya bersifat *samā‘iy*, diambil secara nukilan daripada penutur ’aṣliy bahasa Arab . Justeru , Pengkaji berpendapat dan mencadangkan bahawa penghafalan kata kerja *thulāthiy mujarrad* yang popular dan luas pemecahan morfologinya wajar dilakukan khusus bagi pelajar di peringkat permulaan dan pertengahan . Pendekatan yang sesuai adalah dengan melatih pelajar menghafal kata akar bagi KK kala lepas berserta bentuk kala kini dan kata nama *masdarnya* , supaya mereka dapat mengetahui bentuk-bentuk pecahan yang berkaitan secara analogi berpandukan huruf-huruf yang terdapat dalam kata nama *masdar* . Ini kerana kebiasaannya huruf *'illah* pada kata nama *masdar* dan KK kala kini melambangkan huruf asal bagi kata akar .

2. Kata kerja *thulāthiy mazīd* , *rubā‘iy mujarrad* dan *rubā‘iy mazīd* adalah qiyāsiy .

Oleh itu , Pengkaji berpendapat dan mencadangkan bahawa mengenalpasti dan menguasai rumusan-rumusan wazan mengikut kod JK (Lihat jadual 7.3 hingga 7.10) adalah sangat penting khususnya bagi pelajar peringkat permulaan dan pertengahan. Ianya membolehkan kata-kata yang beraneka pola dapat dikembalikan kepada kata dasarnya dengan baik . Kod-kod JK pada kata dasar dijadikan titik tolak kepada pengembangan pelbagai bentuk pola kata melalui proses *ishtiqāq* . Contohnya daripada kata nama *māṣdar* (مَاصِدَر) wazan فَعْل (*<fa‘ala>*) seorang pelajar itu dapat mengembangkannya kepada beraneka pola dan kategori kata yang lain seperti إِصَاءٌ (kata *māṣdar* wazan أَفْعَل (*<'af‘ala>*) , مُوَاصَةٌ (kata *māṣdar* wazan فَاعِل (*<fā‘ala>*) , تَوَاصِيٌّ (kata *māṣdar* wazan تَقَاعِلٌ (*<tafā‘ala>*), إِسْتِيَصَاءٌ (kata *māṣdar* wazan اسْتَفْعَلٌ (*<istaf‘ala>*), أَوْصِيٌّ (KK perintah wazan أَفْعَل (*<'af‘ala>*) , وَاصِيٌّ (KK perintah wazan فَاعِلٌ (*<fa‘il>*) , تَوَاصِيٌّ (KK perintah wazan تَفَاعِلٌ (*<tafā‘al>*) , وَصْنُونٌ (KK perintah wazan فَعْلٌ (*<fa‘il>*) , إِسْتَوْصِيٌّ (KK perintah wazan إِسْتَفْعَلٌ (*<istaf‘il>*)) dan lain-lain . Semua ini berkembang daripada kata dasar dari jenis JK 8 (*lafīf mafrūq*) iaitu وَصَىٰ yang menjadi pusat kepada penerbitan pelbagai pola kata .

3. Bagi memantapkan kemahiran pelajar dalam proses pembentukan kata , Pengkaji mencadangkan bahawa latihan menggunakan pola – pola kata kerja *thulāthiy mazīd* yang popular perlu diberi penekanan iaitu فَعَلٌ , <أَفْعَلٌ 'af'ala >, <fa‘‘ala > , <فَاعَلٌ fā‘ala > , <تَفَاعَلٌ tafā‘ala >, <إِنْفَعَلٌ ifta‘ala >, <إِفْتَاعَلٌ infā‘ala > , <تَفَعَّلٌ tafā‘‘ala > dan <إِسْتَفَعَلٌ istaf‘ala >. Adapun pola-pola kata kerja yang lain dan pola –pola kata kerja *rubā‘iy* tidak perlu diutamakan diperingkat kemahiran , memandangkan penggunaannya yang agak terhad dan sesuai untuk pengajian di peringkat lanjutan.
4. Penentuan wazan-wazan kata kerja dan kata nama *mushtaq* yang berada dalam satu sistem yang sama adalah sangat penting . Pengkaji juga berpendapat bahawa Mengenalpasti atau menghafal tiap-tiap wazan kata yang berbentuk *qiyāsiy* berdasarkan kod JKnya dengan lengkap tanpa melihat kepada proses-proses morfologi yang berlaku terutama yang melibatkan huruf ‘illah adalah jalan singkat untuk menguasai pembentukan kata khususnya bagi pelajar–pelajar di peringkat permulaan dan pertengahan. Sungguhpun wazan setiap kata sudah diperkenalkan oleh para sarjana Arab silam bahkan boleh dianggap sudah lengkap , namun penekanan terhadap perubahan yang berlaku dari aspek morfologi dan fonologi , menyebabkan timbul kekeliruan dan kesukaran khasnya bagi mereka yang mula mempelajari bahasa Arab peringkat pembentukan kata dan mempunyai masa belajar yang terhad .

5. Analisis kajian yang dijalankan mendapati bahawa proses pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* adalah sukar disebabkan penghuraian proses morfologi yang berbentuk falsafah yang sukar difahami pada struktur katanya . Justeru , pengkaji mencadangkan satu pendekatan alternatif pembentukan pola kata kerja dan kata nama *mushtaq* perlu diperkenalkan khusus bagi pelajar –pelajar peringkat permulaan dan pertengahan . Contohnya , *menjadikan rumusan-rumusan wazan terakhir selepas proses morfologi sebagai rujukan langsung kepada pembentukan pola kata tanpa melihat kepada aspek perubahan morfologi dan fonologi yang berlaku* (Lihat jadual 7.2 hingga 7.10) . Pendekatan ini boleh dijadikan suatu bahan sokongan alternatif dalam pembelajaran morfologi peringkat pembentukan kata , dan diharap dapat mewujudkan motivasi terhadap pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Arab khususnya morfologi . Contohnya wazan 'asliy pola kata kerja فَالْ *// qāla //* mengikut kaedah morfologi adalah فَعَلَنْ *<fa'ala>* tanpa mengambil kira proses penukaran huruf *wāw* kepada huruf *alīf* .

Berdasarkan pendekatan alternatif ini , wazan pola kata kerja ini adalah فَالْ *< fāla >* dengan mengambil kira perubahan dan pertukaran huruf yang berlaku . Berikut adalah cadangan bagi contoh-contoh rumusan- kata kerja dan kata nama *mushtaq* yang diaplikasikan daripada rumusan wazan terakhir yang diperolehi daripada hasil kajian (Lihat 7.2 hingga 7.13):

Jadual 7. 25 : Wazan أَفْعُل <*'Af'a la>*

	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maşdar	Ism Fā‘il	Ism Maf‘ūl
JK 1	أَكْرَم	يَكْرِم	أَكْرِم	إِكْرَام	مَكْرِمٌ	مَكْرَمٌ
JK 2	آمِنٌ	يُؤْمِنُ	آمِنٌ	إِيمَانٌ	مُؤْمِنٌ	مُؤْمَنٌ
JK 3	أَمَدٌ	يُمَدُّ	أَمِدٌ / أَمْدَدٌ	إِمْدَادٌ	مُمَدٌّ / مُمْدَدٌ	مُمَدٌّ / مُمْدَدٌ
JK 4	أَوْصَلٌ	يُؤْصِلُ	أَوْصِلٌ	إِيْصَالٌ	مُؤْصِلٌ	مُؤْصَلٌ
JK 5	أَقَالَ أَبَاعَ	يَقِيلُ يُبَيِّنُ	أَقِنٌ أَبِعْ	إِقَالَةٌ إِبَاعَةٌ	مَقِيلٌ مُبَيِّنٌ	مَقَالٌ مُبَاعٌ
JK 6	أَسْرَى	يُسْرِى	أَسْرٌ	إِسْرَاءٌ	مُسْرِى / الْمُسْرِى	مُسْرَى / الْمُسْرِى
JK 7	أَطْوَى	يُطْوِي	أَطْوٍ	إِطْوَاءٌ	مُطْوِى / الْمُطْوِى	مُطْوَى / الْمُطْوِى
JK 8	أَوْقَى	يُوْقِي	أَوْقٍ	إِيْقَاءٌ	مُوقِى / الْمُوقِى	مُوقَى / الْمُوقِى

Jadual 7. 26 : Wazan فَعَلَ <Fa‘ala>

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maṣdar	Ism Fā‘il	Ism Maf‘ūl
JK 1	كَرَمٌ	يُكَرِّمُ	كَرِمٌ	تَكْرِيمٌ	مَكَرِّمٌ	مَكَرَمٌ
JK 2	أَثْرٌ	يُؤثِّرُ	أَثْرٌ	تَأثِيرٌ	مُؤثرٌ	مُؤثرٌ
JK 3	مَدَّ	يُمَدِّدُ	مَدَّ	تَمْدِيدٌ	مَمْدَدٌ	مُمَدَّدٌ
JK 4	وَصَّلٌ	يُوَصِّلُ	وَصَّلٌ	تَوْصِيلٌ	مُوَصَّلٌ	مُوَصَّلٌ
JK 5	قَوْلٌ بَيْعٌ	يُقَوِّلُ يُبَيِّعُ	قَوْلٌ بَيْعٌ	تَقْوِيلٌ تَبْيَيعٌ	مُقَوَّلٌ مُبَيِّعٌ	مُقَوَّلٌ مُبَيِّعٌ
JK 6	سَرَّى	يُسَرِّي	سَرٌّ	تَسْرِيَةٌ	مُسَرٌّ/الْمُسَرَّى	مُسَرَّى/الْمُسَرَّى
JK 7	قَوَّى	يُقَوِّي	قَوٌّ	تَقْوِيَةٌ	مُقَوَّرٌ/الْمُقَوَّى	مُقَوَّرٌ/الْمُقَوَّى
JK 8	وَقَى	يُوَقِّي	وَقٌّ	تَوْقِيَةٌ	مُوَقَّاً/الْمُوَقَّى	مُوَقَّاً/الْمُوَقَّى

Jadual 7. 27 : Wazan Fā‘ala >

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maṣdar	Ism Fā‘il	Ism Maf‘ūl
JK 1	ضَارِبٌ	يُضَارِبُ	ضَارِبٌ	مُضَارِبَةٌ / ضَرَابٌ	مُضَارِبٌ	مُضَارِبٌ
JK 2	آخَذْ	يُوَاخِذْ	آخَذْ	مُوَاخِذَةٌ	مُوَاخِذٌ	مُوَاخِذٌ
JK 3	مَادَّ	يُمَادِدُ / يُمَادِّ	مَادَّ	مُمَادَّةٌ / مِمَادٌ	مُمَادٌ	مُمَادٌ
JK 4	وَاصَلَّ	يُوَاصِلُ	وَاصَلَّ	مُوَاصِلَةٌ / وَصَالٌ	مُوَاصِلٌ	مُوَاصِلٌ
JK 5	حَاوَرَ عَانَى	يُحَاوِرُ يُعَانِي	حَاوَرْ عَانِي	مُحَاوَرَةٌ / حِوارٌ مُعَانِيَةٌ / عِيَانٌ	مُحَاوَرٌ مُعَانِيَنْ	مُحَاوَرٌ مُعَانِيَنْ
JK 6	عَادَى	يُعَادِي	عَادِ	مُعَادَّةٌ / عِدَاءٌ	مُعَادٍ / المُعَادِي	مُعَادٍ / المُعَادِي
JK 7	سَأَوَى	يُسَأَوِي	سَاوِ	مُسَأَوَاهَةٌ / سِوَاءٌ	مُسَأَوِي / المُسَأَوِي	مُسَأَوِي / المُسَأَوِي
JK 8	وَاقَى	يُوَاقِي	وَاقِ	مُوَاقَاتَةٌ	مُوَاقِي / المُوَاقِي	مُوَاقِي / المُوَاقِي

Jadual 7. 28 : Wazan تَفَاعِلٌ < Tafā‘ala >

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maṣdar	Ism Fā‘il	Ism Maf‘ūl
JK 1	تَضَارُبٌ	يَتَضَارُبٌ	تَضَارُبٌ	تَضَارُبٌ	مُتَضَارِبٌ	مُتَضَارِبٌ
JK 2	تَآخِذُ	يَتَّوَاهِذُ	تَآخِذُ	تَآخِذُ	مُتَآخِذٌ	مُتَآخِذٌ
JK 3	تَرَاصُّ	يَتَرَاصُّ	تَرَاصُّ / تَرَاصَصُ	تَرَاصُّ	مُتَرَاصٌ	مُتَرَاصٌ
JK 4	تَوَارِدُ	يَتَوَارِدُ	تَوَارِدُ	تَوَارِدُ	مُتَوَارِدٌ	مُتَوَارِدٌ
JK 5	تَخَافُرُ تَعَايِنُ	يَتَخَافُرُ يَتَعَايِنُ	تَخَافُرُ تَعَايِنُ	تَخَافُرُ تَعَايِنُ	مُتَخَافِرٌ مُتَعَايِنٌ	مُتَخَافِرٌ مُتَعَايِنٌ
JK 6	تَعَادِى	يَتَعَادِى	تَعَادُ	تَعَادٍ / تَعَادِي	مُتَعَادٍ / المُتَعَادِي	مُتَعَادٍ / المُتَعَادِي
JK 7	تَسَاوِى	يَتَسَاوِى	تَسَاؤ	تَسَاوٍ / تَسَاوِي	مُتَسَاوٍ /المُتَسَاوِي	مُتَسَاوٍ / المُتَسَاوِي
JK 8	تَوَارِى	تَتَوَارِى	تَوَارَ	تَوَارِى / تَوَارٍ	مُتَوَارِى / المُتَوَارِي	مُتَوَارِى / المُتَوَارِي

Jadual 7. 29 : Wazan تَفْعِل < Tafa‘‘ala >

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maşdar	Ism Fā‘il	Ism Maf‘ūl
JK 1	تَكَلُّم	يَتَكَلَّمُ	تَكَلُّم	تَكَلُّم	مُتَكَلِّمٌ	مُتَكَلِّمٌ
JK 2	تَأْخِرٌ	يَتَأْخِرُ	تَأْخِرٌ	تَأْخِرٌ	مُتَأْخِرٌ	مُتَأْخِرٌ
JK 3	تَمَدَّدٌ	يَتَمَدَّدُ	تَمَدَّدٌ	تَمَدَّدٌ	مُتَمَدَّدٌ	مُتَمَدَّدٌ
JK 4	تَوْفِفَ	يَتَوْفِفُ	تَوْفِفٌ	تَوْفِفٌ	مُتَوْفِفٌ	مُتَوْفِفٌ
JK 5	تَجُولٌ تَبُولٌ	يَتَجُولُ يَتَبُولُ	تَجُولٌ تَبُولٌ	تَجُولٌ تَبُولٌ	مُتَجَوِّلٌ مُتَبَوِّلٌ	مُتَجَوِّلٌ مُتَبَوِّلٌ
JK 6	تَلَقَّى	يَتَلَقَّى	تَلَقَّ	تَلَقَّى	مُتَلَاقٌ / المُتَلَاقِي	مُتَلَاقٌ / المُتَلَاقِي
JK 7	تَنَقَّى	يَتَنَقَّى	تَنَقَّ	تَنَقَّى	مُتَنَقِّعٌ / المُتَنَقِّعِي	مُتَنَقِّعٌ / المُتَنَقِّعِي
JK 8	تَوَقَّى	يَتَوَقَّى	تَوَقَّ	تَوَقَّى	مُتَوَقِّعٌ / المُتَوَقِّعِي	مُتَوَقِّعٌ / المُتَوَقِّعِي

Jadual 7. 30: Wazan افتَّعَلْ *<Ifta 'ala>*

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maşdar	Ism Fā‘il	Ism Maf‘ūl
JK 1	اجْتَهَدْ	يَجْتَهِدْ	اجْتَهِدْ	اجْتَهَادْ	مُجَهَّدْ	مُجَهَّدْ
JK 2	اتَّخَذْ	يَتَّخِذْ	اتَّخِذْ	اتَّخَاذْ	مُتَّخِذْ	مُتَّخِذْ
JK 3	امْتَدَّ	يَمْتَدَّ	امْتَدَّ	امْتَدَادْ	مُمْتَدَّ	مُمْتَدَّ
JK 4	اتَّصَلْ	يَتَّصِلْ	اتَّصِلْ	اتَّصَالْ	مُتَّصِلْ	مُتَّصِلْ
JK 5	اخْتَالْ اخْتَارْ	يَخْتَالْ يَخْتَارْ	اخْتَالْ اخْتَارْ	اخْتَيَالْ اخْتَيَارْ	مُخْتَالْ مُخْتَارْ * * مُخْتَارْ *	مُخْتَالْ مُخْتَارْ *
JK 6	اعْتَدَى	يَعْتَدِي	اعْتَدْ	اعْتِدَاءْ	مُعْتَدِي / المُعْتَدِي	مُعْتَدِي / المُعْتَدِي
JK 7	الْتَّوَّى	يَلْتَوِي	الْتَّوِي	الْتَّوَاءْ	مُلْتَوِي / الْمُلْتَوِي	مُلْتَوِي / الْمُلْتَوِي
JK 8	انْقَى	يَنْقِي	انْقَى	انْقَاءْ	مُنْقَى / المُنْقَى	مُنْقَى / المُنْقَى

Jadual 7.31: Wazan < انْفَعْل > *Infa 'ala*

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maṣdar	Ism Fa‘il	Ism Maf‘ul
JK 1	إِنْكَسِرٌ	يُنْكِسِرٌ	إِنْكِسِرٌ	إِنْكِسَارٌ	مُنْكَسِرٌ	مُنْكَسَرٌ
JK 2	إِنْأَطَرٌ	يُنْأَطَرٌ	إِنْأَطَرٌ	إِنْتِطَارٌ	مُنْأَطَرٌ	مُنْأَطَرٌ
JK 3	إِنْحَاطَةٌ	يُنْحَاطَةٌ	إِنْحَاطَةٌ	إِنْحِطَاطٌ	مُنْحَاطٌ	مُنْحَاطٌ
JK 4	-	-	-	-	-	-
JK 5	إِنْحَازٌ	يُنْحَازٌ	إِنْحُزٌ	إِنْحِيَازٌ	مُنْحَازٌ	مُنْحَازٌ
JK 6	الْتَّبَرِي	يُنْتَبَرِي	الْتَّبَرٍ	إِنْتَبَاعٌ	مُنْتَبِرٌ / المُنْتَبَرِي	مُنْتَبَرٌ / المُنْتَبَرِي
JK 7	إِنْطَوَى	يُنْطَوِي	إِنْطَوٍ	إِنْطَوَاعٌ	مُنْطَوٍ / المُنْطَوِي	مُنْطَوٍ / المُنْطَوِي
JK 8	-	-	-	-	-	-

Jadual 7. 32: Wazan *<Istaf'ala>*

Kod JK	KK Kala Lepas	KK Kala Kini	KK Perintah	Maşdar	Ism Fā'il	Ism Maf'ūl
JK 1	استشهَد	يَسْتَشَهِدُ	استشهَدَ	استشهَادٌ	مُسْتَشَهِدٌ	مُسْتَشَهِدٌ
JK 2	استأذَنَ	يَسْتَأذِنُ	استأذَنَ	استذَانٌ	مُسْتَأذَنٌ	مُسْتَأذَنٌ
JK 3	استمَدَ	يَسْتَمِدُ	استمَدَ	استمِدادٌ	مُسْتَمِدٌ	مُسْتَمِدٌ
JK 4	اسْتَوْعَبَ	يَسْتَوْعِبُ	اسْتَوْعَبَ	اسْتِيَغَابٌ	مُسْتَوْعِبٌ	مُسْتَوْعِبٌ
JK 5	إِسْتَقَالَ	يَسْتَقِيلُ	إِسْتَقَلَ	إِسْتِقَالَةٌ	مُسْتَقِيلٌ	مُسْتَقَالٌ
JK 6	إِسْتَرَخَى	يَسْتَرْخِي	إِسْتَرَخَ	إِسْتِرْخَاءٌ	مُسْتَرَخٌ / الْمُسْتَرَخِي	مُسْتَرَخٌ / الْمُسْتَرَخِي
JK 7	إِسْتَهْوَى	يَسْتَهْوِي	إِسْتَهْوَى	إِسْتِهْوَاءٌ	مُسْتَهْوِيٌ / الْمُسْتَهْوِي	مُسْتَهْوِيٌ / الْمُسْتَهْوِي
JK 8	إِسْتَوْفَى	يَسْتَوْفِي	إِسْتَوْفَى	إِسْتِيَفَاءٌ	مُسْتَوْفِيٌ / الْمُسْتَوْفِي	مُسْتَوْفِيٌ / الْمُسْتَوْفِي

6. Kajian ini terbatas kepada persoalan pembentukan kata kerja , pembentukan kata kerja ketika bersambungan dengan *qamīr* dan partikel *nūn tawkīd* serta pembentukan kata nama *mushtaq* berdasarkan prinsip dan kaedah *al-Mīzān al-Sarfiy* . Kajian akan datang dicadangkan melebarkan horizon analisis dengan tumpuan kepada persoalan-persoalan yang lain menggunakan pendekatan yang berbeza seperti aspek makna leksikal dan nahuan , pembentukan kata *samā‘iy* , pembentukan kata nama *jamak*, kata nama *nisbah* , kata *taṣghīr* melalui pendekatan alternatif .

7.3 KESIMPULAN

Bahasa Arab adalah merupakan bahasa fleksi yang memiliki sistem morfologi yang sangat kompleks dan unik . Satu kata bahasa Arab boleh memiliki satu pecahan besar yang ada hubungan huruf dan makna melalui proses derivasi dan pembentukan kata. Pembentukan kata bahasa Arab adalah sinonim dengan *al-Mīzān al-Sarfīy* .

Sarjana-sarjana dan ahli bahasa merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menjalankan kajian-kajian berkaitan pembentukan kata. Sibawayh (m 180 H) merupakan tokoh linguistik Arab pertama yang telah menghimpun hampir keseluruhan wazan kata yang terdapat dalam bahasa Arab dalam buku terulung beliau iaitu “*al-Kitāb*” . Kajian beliau adalah pencetus dan merupakan titik tolak kepada kajian-kajian seterusnya .

Para ulamak dan ahli linguistik Arab berbeza pendapat dalam mempraktikkan *al-Mīzān al-Sarfīy* dalam pembentukan kata kerja bahasa Arab. Setengah daripada mereka menggunakan wazan ’aṣliy sebagai rujukan langsung bagi semua pembentukan kata dan melihat perubahan morfologi yang berlaku pada struktur kata sebagai elemen penting yang perlu diambil perhatian. Setengah daripada mereka pula menggunakan wazan terakhir selepas perubahan sebagai rujukan langsung kepada pembentukan kata tanpa melihat kepada proses morfologi yang berlaku .

Dalam hal ini, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat yang dikemukakan oleh penganalisis moden iaitu Tammām Ḥassān yang mencadangkan bahawa penentuan wazan suatu kata dalam bahasa Arab perlu mengambil kira perubahan yang berlaku terutama bagi kata *mu'tal* yang terlibat dalam proses '*i'lāl*' dan '*ibdāl*', kerana proses perubahan ini merupakan bentuk akhir pembentukan pola kata. Malah pembentukannya lebih mudah dan cepat tanpa sebarang kekeliruan. Pendapat beliau didapati lebih sesuai untuk pembelajaran pembentukan kata peringkat permulaan dan pertengahan serta tempoh masa pembelajaran yang singkat. Walaupun merujuk kepada wazan '*aṣliy*' merupakan kaedah tradisi yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh bahasa silam dan moden telah diterimapakai dan dipersetujui oleh majoriti ahli bahasa, namun ianya agak sukar bagi pelajar di peringkat permulaan dan pertengahan untuk mengenal pasti wazan kata secara langsung, sebaliknya perlu kepada kemahiran yang cukup terhadap prinsip dan kaedah pembentukan kata.

Kajian *al-Mīzān al-Sarfiy* ini diharap dapat memberi sumbangan dalam membuka dimensi baru dalam bidang morfologi bahasa Arab khususnya peringkat pembentukan kata. Simbiotisme pembentukan kata seharusnya diberi perhatian sebaik mungkin termasuk dengan mengembangkan subbidang - subbidang dalam morfologi bahasa Arab, kerana semua susunan kata membawa kepada pembentukan ayat. Penggunaan bahasa yang baik dan betul terletak pada kata dan susunannya yang baik dan betul.

Melalui kajian ini, *al-Mīzān al-Sarfiy* dapat ditonjolkan sebagai mekanisma penting dalam kajian pembentukan kata bahasa Arab sekaligus membuktikan bahawa ia mempunyai kepentingan dan berupaya memberi sumbangan yang bermakna terhadap bidang morfologi bahasa Arab. Ini bersesuaian dengan pandangan yang dikemukakan oleh 'Abduh al-Rājihiy (1973) di mana kajian *al-Mīzān al-Sarfiy* merupakan keperluan setiap penuntut bahasa Arab, kerana hampir semua kata bahasa Arab diperolehi melalui kaedah *qiyās* (analogi). Sedangkan kaedah *qiyās* tersebut tidak akan tercapai tanpa melalui *al-Mīzān al-Sarfiy* .

Kajian ini juga diharap dapat membantu penyelidik akan datang mengetengahkan pendekatan alternatif pembentukan kata bahasa Arab yang mudah berlandaskan *rumusan wazan terakhir sebagai rujukan langsung kepada pembentukan kata* . Pendekatan ini adalah diharap dapat menjadi mekanisma alternatif bagi menangani kekeliruan hasil daripada penguraian berbentuk falsafah yang rumit dan sukar. Pada pandangan pengkaji , halangan utama dalam proses pembelajaran morfologi bahasa Arab di Malaysia khususnya bagi pelajar –pelajar di peringkat permulaan dan pertengahan ialah ketiadaan pendekatan alternatif terhadap pembentukan kata yang sesuai , mudah , ringkas dan tepat, sedangkan kata merupakan elemen asas pembentukan ayat. Pendekatan yang digunakan perlu sesuai dengan keadaan semasa supaya wujud minat yang tinggi dikalangan pelajar .

Justeru, adalah diharapkan pada masa hadapan lebih banyak kajian-kajian berkaitan pembentukan kata dengan pendekatan-pendekatan baru yang komprehensif dan mudah diperkenalkan sejajar dengan peredaran zaman, di mana masa belajar amat terhad dan terbatas . Bagi menghasilkan pendekatan yang lebih sesuai perbincangan seharusnya melibatkan pakar-pakar dalam bidang morfologi bahasa Arab . Sebarang perbincangan seharusnya mengambil kira faktor latarbelakang pelajar , tujuan dan tempoh masa yang digunakan untuk mempelajari bahasa Arab peringkat pembentukan kata . Sebarang pendekatan yang menimbulkan kekeliruan, kesukaran dan membosankan haruslah dielakkan .

Kajian seumpama ini juga diharapkan dapat mengangkat martabat *al-Mīzān al-Sarfiy* sebagai satu disiplin yang penting dalam morfologi bahasa Arab. *Al-Mīzān al-Sarfiy* sebenarnya tidak sekadar medium untuk memahami proses pembentukan kata , tetapi juga mempunyai fungsi leksikel , sinteksis , balaghah , derivasi dan perkamusian dalam bahasa Arab.

